2.6	Saringan Kemasukan bagi Pelajar Program Tanpa Ijazah (Non-Graduating) (i) TD/TP/PYB PTJ mengemaskini keputusan saringan selepas permohonan lengkap diterima daripada SPS dan memastikan Penasihat/ Penyelia yang dinamakan dimaklumkan bahawa calon yang bakal diselia adalah di bawah Program NG; dan (ii) TD/TP/PYB PTJ memajukan maklumat kursus yang ditawarkan kepada calon (sekiranya berkaitan) serta kadar yuran pengajian yang merangkumi yuran <i>bench</i> atau yuran kredit atau apa-apa yuran lain kepada SPS.	

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 46/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
3.	Pengurusan Bantuan Kewangan Pascasiswazah	
	3.1	Bantuan Kewangan GTA, PASS, IGSS, BKW dan BYSC Ketua PTJ/TD/TP PTJ mengesahkan permohonan pelajar (sokong/tidak sokong) melalui sistem i-GIMS mengikut tempoh yang ditetapkan oleh SPS pada setiap semester. Nota: Tawaran bantuan kewangan ini akan dibuka sekurang-kurangnya dua (2) bulan sebelum semester baharu bermula
	3.2	3.2 Bantuan Kewangan GRA Ketua PTJ/TD/TP PTJ mengesahkan permohonan pelajar (sokong/tidak sokong) melalui sistem i-GIMS secara berkala. Nota: Permohonan GRA dibuka sepanjang tahun.
	3.3	Agihan Pengajaran bagi Penerima GTA Ketua PTJ/TD/TP PTJ melaksanakan perancangan agihan pengajaran kepada penerima GTA dengan had maksimum empat (4) jam seminggu bagi pelajar Master dan enam (6) jam seminggu bagi pelajar PhD berdasarkan senarai yang diterima daripada SPS.
	3.4	Bantuan Kewangan bagi Aktiviti Sangkutan Penyelidikan dan Pembentangan Antarabangsa (i) Ketua PTJ/TD/TP PTJ menyemak kelayakan pelajar berdasarkan syarat kelayakan bantuan kewangan yang dipaparkan di laman web SPS: https://sgs.upm.edu.my/financial_assistance_scholarships-1893 (ii) Ketua PTJ/TD/TP PTJ mengesahkan (sokong/tidak sokong) Borang Permohonan Bantuan Kewangan Menjalani Sangkutan Penyelidikan di Luar Negara PG/FAD/GS-42 atau Borang Permohonan Bantuan Kewangan Menghadiri Pembentangan Antarabangsa PG/FAD/GS-48 yang diterima daripada pelajar.

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 47/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		Nota: Permohonan bantuan kewangan bagi menghadiri Sangkutan Penyelidikan dan Pembentangan Antarabangsa dibuka sepanjang tahun.
	3.5	Pecah Kontrak dan Tuntutan Gantirugi GRF/GRA Ketua PTJ/TD/TP PYB PTJ merujuk Garis Panduan Tindakan Pecah Kontrak dan Tuntutan Gantirugi Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) dan Fellowship Penyelidik Siswazah (GRF) (GP/FAD/S-01), sekiranya berkaitan. Nota: (a) Tindakan pecah kontrak ini hanya terpakai kepada pelajar yang terikat dengan perjanjian yang ditandatangani dengan UPM di bawah skim GRF/GRA terdahulu. (b) Garis Panduan berkaitan boleh diakses di laman web SPS.
4.	Pendaftaran Kemasukan Pelajar Baharu dan Sambungan	
	4.1	Pendaftaran Kemasukan Pelajar Baharu (i) Bagi pelajar antarabangsa, PYB i-PUTRA menyemak pematuhan syarat kemasukan pelajar antarabangsa yang ditetapkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan mengesahkan dokumen perjalanan pelajar melalui PutraENROLL iaitu: (a) Passport; (b) Surat Kelulusan EMGS; (c) Surat Kelulusan Visa Elektronik (eVAL); dan (d) Lain-lain (sekiranya berkaitan). (ii) PYB PKU menyemak dan mengesahkan pengisytiharan status kesihatan pelajar dan dokumen kesihatan lain (sekiranya berkaitan) melalui PutraENROLL.

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 48/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
	(iii) PYB Bursar menyemak dan mengesahkan dokumen berkaitan kewangan iaitu: (a) Penyata bank / slip gaji; (b) Bukti resit pembayaran yuran pengajian; atau (c) Surat tawaran penajaan pelajar (sekiranya berkaitan). (iv) PYB APSeC menyediakan kad matrik fizikal sekiranya terdapat permohonan daripada pelajar. (v) Sekiranya didapati berlaku kes pemalsuan identiti oleh pelajar antarabangsa semasa menjalani pemeriksaan kesihatan di PKU, PYB APSeC/PKU/i-PUTRA perlu merujuk Garis Panduan Pengendalian Kes Pemalsuan Identiti Pelajar Antarabangsa Semasa Menjalani Pemeriksaan Kesihatan di PKU (GP/ADM/S-05) yang boleh dirujuk di laman web SPS untuk tindakan lanjut. (vi) Sekiranya didapati pelajar antarabangsa positif/reaktif terhadap ujian saringan penyakit berjangkit selepas menjalani pemeriksaan kesihatan di PKU, PYB PKU/PTJ dan i-PUTRA perlu merujuk Garis Panduan Pengendalian Pelajar Antarabangsa yang Didapati Positif/Reaktif Terhadap Ujian Saringan Penyakit Berjangkit Semasa Menjalani Pemeriksaan Kesihatan di Kampus Bagi Meneruskan Pengajian (GP/ADM/S-06) yang boleh dirujuk di laman web SPS untuk tindakan lanjut. (vii) Ketua PTJ/TD/TP/Penyelaras/PYB PTJ melaksanakan taklimat pelajar baharu pada setiap semester kemasukan mengikut kaedah yang bersesuaian dan memberi nasihat dan panduan yang berkaitan kepada pelajar. (viii) Ketua PTJ/TD/TP/Penyelaras/PYB PTJ mengambil perhatian bahawa proses pendaftaran pelajar baharu bagi program ICP, PSI, dan NG adalah sama dengan pelajar lain.	
	4.2	Pengemaskinian Status Pengajian daripada ‘Bersyarat’ (<i>Provisional</i>) kepada ‘Baik’ (<i>Continue</i>)

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 49/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		(1) Status Bersyarat disebabkan tidak memenuhi keperluan Bahasa Inggeris (i) PYB CALC memasukkan markah kursus PIE 1 Intensive dan PIE 2 Intensive dan memajukan senarai nama pelajar lulus kursus tersebut kepada PYB UP SPS; (2) Status Bersyarat disebabkan perlu mengambil kursus prasyarat (i) PYB PTJ mengemukakan senarai nama pelajar yang lulus kursus prasyarat kepada PYB UP SPS selepas keputusan peperiksaan diumumkan bagi tujuan pertukaran status pengajian pelajar daripada 'Bersyarat' (Provisional) kepada 'Baik' (Continue); dan (ii) PYB PTJ menyemak status pengajian pelajar yang telah dikemaskini oleh PYB UP SPS dalam i-GIMS.
	4.3	Pengesahan Kesihatan Pelajar Antarabangsa Yang Baru Masuk ke Malaysia (i) PYB PKU menjalankan proses saringan kesihatan pelajar baharu mengikut ketetapan yang berkuatkuasa serta merujuk: (a) Garis Panduan Pengendalian Kes Pemalsuan Identiti Pelajar Antarabangsa Semasa Menjalani Pemeriksaan Kesihatan Di Pusat Kesihatan Universiti (GP/ADM/S-05) (b) Garis Panduan Pengendalian Pelajar Antarabangsa yang Didapati Positif/ Reaktif Terhadap Ujian Saringan Penyakit Berjangkit semasa Menjalani Pemeriksaan Kesihatan di Kampus bagi Meneruskan Pengajian (GP/ADM/S-06) (ii) PYB PKU mengesahkan keputusan saringan kesihatan pada <i>Health Examination Report Form</i> dan <i>Registration Checklist for New Student (Verification Purposes)</i>.
	4.4	Majlis Ikrar dan Taklimat Pelajar Pascasiswazah Baharu

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 50/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		PYB PTJ memastikan hebahan Majlis Ikrar dan Taklimat Pelajar Baharu Pascasiswazah anjuran SPS disampaikan kepada pelajar melalui saluran yang bersesuaian seperti media sosial, laman web PTJ atau medium komunikasi lain yang bersesuaian.
5.	Penyediaan Kalendar Akademik	
	5.1	Kalendar Akademik Dual Semester (i) PYB PTJ merujuk kepada Kalendar Akademik Dual yang telah diluluskan oleh Senat dalam laman web SPS sebelum semester bermula; dan (ii) PYB PTJ membuat hebahan atau memaparkan Kalendar Akademik Dual di PTJ
	5.2	Kalendar Akademik Trimester (i) PYB PTJ menerima templat Kalendar Akademik Trimester daripada PYB UA, SPS; (ii) PYB PTJ melengkapkan maklumat tarikh-tarikh penting berkaitan proses akademik dengan merujuk kepada peraturan akademik semasa; (iii) PYB PTJ memajukan maklumat tarikh-tarikh penting kalendar akademik kepada PYB UA, SPS; (iv) PYB PTJ merujuk kepada Kalendar Akademik Trimester yang telah diluluskan oleh Senat dalam laman web SPS sebelum semester bermula; dan (v) PYB PTJ membuat hebahan atau memaparkan Kalendar Akademik Trimester di PTJ.
	5.3	Kalendar Akademik Sesi (Program Perubatan) (i) PYB FPSK menyediakan Kalendar Akademik Sesi yang mengandungi maklumat tarikh-tarikh penting berkaitan proses akademik dengan

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 51/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		merujuk kepada tarikh yang ditetapkan oleh Badan Profesional yang berkaitan; (ii) PYB FPSK memajukan Kalendar Akademik Sesi yang telah dilengkapkan kepada SPS; dan (iii) PYB FPSK merujuk kepada Kalendar Akademik Sesi yang telah diluluskan oleh Senat dalam laman web SPS sebelum semester bermula; dan (iv) PYB FPSK membuat hebahan atau memaparkan Kalendar Akademik Sesi di PTJ.
6.	Pengurusan Program Sokongan Pembelajaran Putra Sarjana	
	6.1	Penyediaan Takwim Tahunan Program Putra Sarjana PYB PTJ mengemukakan senarai cadangan program sokongan pembelajaran Putra Sarjana yang dicadangkan untuk dianjurkan bersama SPS bagi tahun berikutnya, pada setiap akhir tahun (jika berkaitan). Senarai cadangan tersebut hendaklah mengandungi maklumat berikut: (a) Cadangan tajuk; (b) Cadangan tarikh; (c) Cadangan penceramah; (d) Cadangan mod penganjuran (dalam talian/fizikal/hibrid); dan (e) Cadangan Lokasi
	6.2	Pelaksanaan Program PYB PTJ memastikan hebahan program sokongan pembelajaran Putra Sarjana disampaikan kepada pelajar melalui saluran yang bersesuaian seperti media sosial, laman web PTJ atau medium komunikasi lain yang bersesuaian.
7.	Penawaran Kursus	
	7.1	Penawaran Kursus

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 52/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan
	(i) KJ/Penyelaras mengenal pasti kursus yang akan ditawarkan untuk sesuatu semester; (ii) KJ/Penyelaras mengenal pasti pensyarah yang akan mengendalikan pengajaran kursus; (iii) KJ/Penyelaras melantik pensyarah berkaitan (termasuk pensyarah sambilan) secara bertulis setelah dipersetujui dalam Mesyuarat Jabatan atau mesyuarat lain yang berkenaan selewat-lewatnya dalam tempoh empat (4) minggu sebelum semester/modul bermula; (iv) KJ/Penyelaras mengemaskini maklumat kursus yang akan ditawarkan dalam modul tawaran kursus dan modul jadual waktu melalui i-GIMS selewat-lewatnya dalam tempoh empat (4) minggu sebelum semester/modul bermula; (v) PYB PTJ menyediakan jadual waktu kuliah/amali bagi kursus yang berstruktur berpandukan kepada Kalendar Akademik terkini; (vi) PYB PTJ mengedarkan jadual waktu kuliah/amali berserta Borang Rangka Kursus dan Rancangan Pengajaran (PU/S/BR07/GSPRG01) terkini kepada pensyarah selewat-lewatnya dalam tempoh tiga (3) minggu sebelum semester bermula. (vii) Pensyarah menyediakan rancangan pengajaran berpandukan kepada rangka kursus yang telah diedarkan menggunakan Borang PU/S/BR07/GSPRG01 kecuali bagi kursus yang tidak berstruktur seperti SPS5903/SPS6903, SPS5999/SPS6999, Topik Khas dan Projek (bagi program Master Secara Kerja Kursus); dan (viii) KJ/Penyelaras mengesahkan Borang PU/S/BR07/GSPRG01 yang lengkap daripada pensyarah selewat-lewatnya satu (1) minggu sebelum semester bermula.
8.	Pendaftaran Kursus

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 53/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
	8.1	Pendaftaran Kursus Pelajar Baharu (i) PYB PTJ membuat semakan kursus-kursus yang perlu didaftar oleh pelajar baharu mengikut skema program pengajian serta tempoh pendaftaran kursus seperti berikut; (a) Pelajar boleh mendaftar kursus dengan minimum enam (6) jam kredit dan maksimum 20 jam kredit setiap semester. Pelajar yang ingin mendaftar kursus lebih atau kurang daripada had kredit yang ditetapkan, hendaklah melengkapkan Borang <i>Application to Add/Drop Course</i> (PG/ACA/GS-06) secara manual yang boleh dimuat turun melalui Portal Pelajar; (b) Pelajar baharu Program Secara Penyelidikan dibenarkan mendaftar SPS5903/ SPS6903/ SPS5999/ SPS6999 sehingga minggu ke-13 manakala selain kursus tersebut, pelajar dibenarkan mendaftar sehingga minggu ke-2 atau tempoh lain berdasarkan sokongan daripada PTJ dan kelulusan SPS. (c) Pelajar yang berstatus ‘Bersyarat’ (<i>Provisional</i>) disebabkan belum melengkapkan keperluan kursus prasyarat tidak dibenarkan mendaftar kursus teras program sehingga kursus prasyarat tersebut dilengkapkan. Namun, kursus prasyarat boleh diambil bersama dengan: - Kursus elektif yang bukan pengkhususan / berkait dengan kursus teras atau prasyarat; - SPS 5999/6999 (Master / Doctoral Research) (hanya untuk program secara penyelidikan); - Kursus bahasa (PIE 2 / LPM 2100); dan - Kursus Kaedah Penyelidikan (Research Methodology). (d) Pelajar program secara penyelidikan perlu mendaftar kursus prasyarat bersama kursus lain seperti dinyatakan dalam 8.1 (i) (c) dengan jumlah minimum 6 jam kredit. Manakala, pelajar program Master Secara Kerja Kursus (MSKK) dibenarkan mendaftar kursus prasyarat bersama kursus lain seperti dinyatakan dalam 8.1 (i) (c) dengan jumlah kurang daripada 6 jam kredit;

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 54/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		(e) Kuliah dan penilaian bagi kursus prasyarat 1 jam kredit boleh dilaksanakan secara intensif dua (2) minggu sebelum kuliah rasmi dan Kursus prasyarat tersebut akan didaftarkan dalam semester pertama serta akan dipaparkan di dalam transkrip; atau (f) Kuliah dan penilaian bagi kursus prasyarat 1 jam kredit dan 3 jam kredit boleh dilaksanakan dalam semester mengikut kalendar akademik sedia ada; (g) Bagi pelajar program NG (di bawah kategori sangkutan penyelidikan), pendaftaran kursus SPS5999/SPS6999 dengan minimum enam (6) jam kredit akan dilaksanakan oleh PYB UA melalui pemakluman daripada PYB UPIBK; dan (h) Bagi pelajar program NG (di bawah kategori pertukaran semester), pelajar perlu mendaftar kursus sebagaimana yang ditetapkan oleh PTJ.
	8.2	Pendaftaran Kursus Pelajar Sambungan (i) PYB PTJ menyediakan senarai kursus yang akan ditawarkan pada satu-satu semester sebelum minggu pendaftaran kursus bermula dengan mengambil perhatian perkara berikut: (a) Pelajar perlu merujuk kepada tarikh-tarikh penting berkaitan proses akademik dalam kalendar akademik yang boleh dicapai melalui laman web SPS bagi urusan pendaftaran kursus. (b) Pendaftaran kursus bagi pelajar sambungan dibuka bermula dalam tempoh tiga (3) minggu sebelum semester bermula. (c) Pelajar boleh mendaftar kursus dengan minimum enam (6) jam kredit dan maksimum 20 jam kredit setiap semester. Pelajar yang ingin mendaftar kursus lebih atau kurang daripada had kredit yang ditetapkan, hendaklah melengkapkan Borang <i>Application to Add/Drop Course</i> (PG/ACA/GS-06) secara manual yang boleh dimuat turun melalui Portal Pelajar;

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 55/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan
	(d) Pelajar sambungan dibenarkan mendaftar SPS5903/ SPS6903/ SPS5999/ SPS6999 sehingga minggu ke-7 manakala selain kursus tersebut, pelajar hanya dibenarkan mendaftar sehingga minggu ke-2 atau tempoh lain berdasarkan sokongan daripada PTJ dan kelulusan SPS. (e) Pelajar perlu membuat pembayaran yuran pengajian selewat-lewatnya pada minggu ketujuh (7) pengajian. Kegagalan melaksanakan pembayaran ini menyebabkan status pelajar bertukar kepada 'Gugur' (<i>Dropped</i>). Pelajar yang berstatus 'Gugur' (<i>Dropped</i>) tidak dibenarkan membuat pendaftaran kursus, menghadiri kuliah dan menduduki peperiksaan. (f) Pelajar yang berstatus 'Bersyarat' (<i>Provisional</i>) disebabkan belum melengkapkan keperluan kursus prasyarat tidak dibenarkan mendaftar kursus teras program sehingga kursus prasyarat tersebut dilengkapkan. Namun, kursus prasyarat boleh diambil bersama dengan: • Kursus elektif yang bukan pengkhususan / berkait dengan kursus teras atau prasyarat; • SPS 5999/6999 (Master / Doctoral Research) (hanya untuk program secara penyelidikan); • Kursus bahasa (PIE 2 / LPM 2100); dan • Kursus Kaedah Penyelidikan (Research Methodology). Pelajar program secara penyelidikan perlu mendaftar kursus prasyarat bersama kursus lain seperti dinyatakan dalam 8.1 (i) (c) dengan jumlah minimum 6 jam kredit. Manakala, pelajar program Master Secara Kerja Kursus (MSKK) dibenarkan mendaftar kursus prasyarat bersama kursus lain seperti dinyatakan dalam 8.1 (i) (c) dengan jumlah kurang daripada 6 jam kredit; (ii) PYB PTJ merekodkan maklumat berdasarkan Senarai Semak dalam fail kursus (UPM.Kod PTJ.600-4/30/1)

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 56/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
	8.3	Tambah Kursus (Termasuk Lewat Daftar) (i) PYB PTJ menyemak Borang <i>Application to Add/Drop Course</i> (PG/ACA/GS-06) yang telah disokong oleh pensyarah kursus/Penyelaras Program daripada pelajar. Penalti RM100.00 akan dikenakan kepada pelajar sambungan yang kursus mendaftar bermula pada minggu pertama selepas semester bermula; (ii) PYB PTJ memajukan borang yang telah disokong oleh pensyarah kursus/Penyelaras Program kepada TD/TP PTJ; (iii) TD/TP PTJ mengesahkan borang dengan mengambil kira perkara berikut; dan (iv) PYB PTJ mengembalikan borang yang telah disahkan oleh TD/TP PTJ kepada pelajar untuk dimajukan kepada SPS.
	8.4	Gugur Kursus (i) PYB PTJ menyemak Borang <i>Application to Add/Drop Course</i> (PG/ACA/GS-06) yang telah disokong oleh pensyarah kursus/Penyelaras Program daripada pelajar. Permohonan gugur kursus dibenarkan sehingga minggu ke-7 selepas semester bermula sahaja. Permohonan selepas tempoh tersebut tidak akan dipertimbangkan; (ii) PYB PTJ memajukan borang yang telah disokong oleh pensyarah kursus/Penyelaras Program kepada TD/TP PTJ; (iii) TD/TP PTJ mengesahkan borang; dan (iv) PYB PTJ mengembalikan borang yang telah disahkan oleh TD/TP PTJ kepada pelajar untuk dimajukan kepada SPS.
	8.5	Pertukaran Status Kursus (i) PYB PTJ menyemak Borang <i>Application for Amendment of Course Status</i> (PG/ACA/GS-50) yang telah disokong oleh Penasihat/Penyelia/Penyelaras

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 57/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		Program daripada pelajar. Permohonan pertukaran status kursus dibenarkan sehingga minggu ke-7 selepas semester bermula tertakluk kepada perkara berikut; (a) Pertukaran daripada Wajib (YW)/Elektif (ELF) kepada Audit (AU): kursus akan dinilai dengan sama ada gred 'Memuaskan' (M) atau 'Tidak Memuaskan' (TM) dan kursus tidak akan diambil kira dalam penentuan pengiraan PNGK; dan (b) Pertukaran daripada Audit (AU) kepada Wajib (YW)/Elektif (ELF): pelajar akan dinilai dengan gred (A – F) dan kursus akan diambil kira dalam penentuan pengiraan PNGK. (ii) PYB PTJ memajukan borang yang telah disokong oleh Penasihat/Penyelia/Penyelaras Program kepada TD/TP PTJ; (iii) TD/TP PTJ mengesahkan borang; dan (iv) PYB PTJ mengembalikan borang yang telah disahkan oleh TD/TP PTJ kepada pelajar untuk dimajukan kepada SPS.
	8.6	Penawaran Kursus bagi Bilangan Pelajar yang Kurang daripada Lima (5) Orang Pelajar (i) PYB PTJ menerima senarai kursus yang mempunyai bilangan pelajar mendaftar kurang daripada lima (5) daripada PYB UA, SPS; (ii) PYB PTJ menyediakan justifikasi penawaran kursus berkenaan; (iii) PYB PTJ majukan semula maklumat yang telah dilengkapkan kepada PYB UA, SPS; dan (iv) PYB PTJ menerima maklum balas keputusan Naib Canselor daripada PYB UA; (v) PYB PTJ memaklumkan keputusan Naib Canselor kepada pensyarah berkaitan.

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 58/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
9.	Pemindahan Kredit dan Pengecualian Kursus	
	9.1	Pemindahan Kredit (i) PYB PTJ menyemak Borang <i>Application for Credit Transfer</i> (PG/ACA/GS-04a), berserta salinan transkrip dan/atau silibus kursus (sekiranya kursus tersebut diambil dari institusi lain) daripada pelajar yang diterima melalui i-GIMS dengan mengambil kira perkara berikut; (a) Pindah Kredit Secara Horizontal: Pelajar yang telah mendaftar kursus di UPM atau di institusi pengajian lain yang diiktiraf oleh UPM bagi peringkat pengajian yang sama; (b) Pindah Kredit Secara Vertikal: Pindah kredit secara vertikal dari peringkat Master ke PhD adalah tidak dibenarkan, kecuali bagi pelajar di bawah Program Integrasi, di mana pelajar tahun akhir program Bachelor mendaftar kursus teras peringkat Master sebagai kursus elektif bebas dengan kebenaran Ketua PTJ; (ii) PYB PTJ membuat semakan pindah kredit pelajar dengan mengambil kira syarat berikut; (a) Gred bagi kredit yang dipindahkan tidak akan diambil kira dalam pengiraan PNGK. Walau bagaimanapun, jumlah kredit tersebut akan diambil kira bagi memenuhi keperluan kredit untuk bergraduasi. (b) Jumlah maksimum kredit yang boleh dipindahkan adalah seperti berikut: • Tidak melebihi 50% daripada jumlah kredit program bagi Program Secara Kerja Kursus. • Sehingga 100% daripada jumlah kredit program bagi Program Secara Penyelidikan.

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 59/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		- Pindah kredit di bawah program integrasi adalah 30%. (semak) (c) Syarat kelayakan pemindahan kredit adalah seperti berikut: - Pelajar mestilah memperoleh sekurang-kurangnya gred 'B' atau setaraf bagi kursus yang ingin dipindahkan. - Kursus tersebut hendaklah diambil dalam tempoh tidak melebihi lima (5) tahun dari tarikh pelajar bergraduasi. - Pelajar mestilah mempunyai status 'Baik' daripada institusi atau program pengajian terdahulu. - Pemindahan kredit tidak dibenarkan bagi kursus daripada program pengajian yang telah gagal, termasuk bagi pelajar yang telah menarik diri daripada pengajian tersebut. (d) Permohonan pemindahan kredit hendaklah dibuat pada semester pertama pengajian melalui portal pelajar secara dalam talian. (e) Kandungan kursus yang dipohon untuk pemindahan kredit perlu disahkan kesetaraannya oleh pihak PTJ, dengan sekurang-kurangnya 80% persamaan kandungan. (iii) PYB PTJ memajukan borang yang telah disemak kepada pensyarah kursus berkaitan untuk semakan peratusan kesetaraan; (iv) PYB PTJ memaklumkan kepada TD/TP PTJ untuk mengesahkan borang yang telah disemak oleh pensyarah bagi tindakan SPS.
	9.2	Pengecualian Kursus (i) PYB PTJ menyemak Borang <i>Course Exemption</i> (PG/ACA/GS-04b), berserta salinan transkrip dan/atau silibus kursus (sekiranya kursus tersebut diambil dari institusi lain) daripada pelajar yang diterima melalui i-GIMS; (ii) PYB PTJ membuat semakan pengecualian kursus pelajar dengan mengambil kira syarat berikut;

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 60/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		(a) Gred bagi kursus yang dikecualikan TIDAK akan diambil kira dalam pengiraan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK), dan jumlah kreditnya juga TIDAK akan dikira bagi memenuhi keperluan kredit untuk bergraduasi. (b) Pelajar yang telah mengikuti kursus Kaedah Penyelidikan semasa pengajian di peringkat Master boleh memohon pengecualian kursus, tertakluk kepada syarat-syarat berikut: • Nilai kredit kursus Kaedah Penyelidikan program Master adalah sama atau lebih daripada nilai kredit kursus Kaedah Penyelidikan program PhD. • Kerelevanan dan kekinian ilmu dan kemahiran Kaedah Penyelidikan peringkat Master berdasarkan kepada keperluan pengajian pada peringkat PhD. • Pelajar antarabangsa yang telah mendaftar kursus Bahasa Melayu (LPM2100 atau setaraf) boleh memohon pengecualian kursus tersebut. (c) Kursus yang diluluskan untuk pengecualian perlu diganti dengan kursus lain dengan jumlah kredit yang sama kecuali bagi kursus Bahasa Melayu (LPM2100 atau setara); (d) Pelajar mestilah memperoleh sekurang-kurangnya gred 'B' atau setaraf bagi kursus yang ingin dikecualikan. (e) Kursus tersebut hendaklah diambil dalam tempoh tidak melebihi lima (5) tahun dari tarikh pelajar bergraduasi. (f) Permohonan pengecualian kursus hendaklah dibuat dalam semester pertama pengajian secara dalam talian. (g) Pelajar mestilah mempunyai status 'Baik' daripada institusi atau program pengajian terdahulu.

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 61/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		(h) Pengecualian kursus tidak dibenarkan bagi kursus daripada program pengajian yang telah gagal, termasuk bagi pelajar yang telah menarik diri daripada pengajian tersebut. (i) Kandungan kursus yang dipohon untuk pengecualian kursus perlu disahkan kesetaraannya oleh pihak PTJ, dengan sekurang-kurangnya 80% persamaan kandungan (iii) PYB PTJ memajukan borang yang telah disemak kepada pensyarah kursus berkaitan untuk semakan peratusan kesetaraan; (iv) PYB PTJ memaklumkan kepada TD/TP PTJ untuk mengesahkan borang yang telah disemak oleh pensyarah bagi tindakan SPS.
10.	Pengendalian Pengajaran Kursus	
	10.1	Pengendalian Pengajaran Kursus Berstruktur (i) PYB PTJ menerima pemakluman daripada PYB UA mengenai tarikh-tarikh penting berkaitan peperiksaan akhir; (ii) PYB PTJ membuat hebahan mengenai tarikh-tarikh penting berkaitan peperiksaan akhir kepada pensyarah di PTJ; dan (iii) Ketua PTJ mengesahkan laporan POSE dan ACAS yang telah disediakan oleh Penyelaras Program/Ketua Jabatan; (iv) Ketua PTJ mengesahkan Laporan POSE serta cadangan penambahbaikan berterusan melalui Laporan CQI mengikut kohort; (v) PYB PTJ memajukan Laporan POSE dan Laporan CQI yang telah disahkan oleh Ketua PTJ kepada SPS; (vi) PYB PTJ merekod dan mengemaskini maklumat berdasarkan Senarai Semak dalam fail kursus (UPM.Kod PTJ.600-4/30/1)

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 62/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
	10.2	Pengendalian Pengajaran Kursus Tidak Berstruktur (1) SPS6999/SPS5999 (i) PYB PTJ memantau pendaftaran SPS5999/SPS6999 oleh pelajar dengan mengambil perhatian perkara berikut; (a) Penyelia perlu mengadakan perbincangan dengan pelajar sekurang-kurangnya sekali pada setiap semester (mengikut kaedah yang bersesuaian); (b) Penentuan bilangan kredit 3/6/9/12 bagi SPS5999/SPS6999 adalah bergantung kepada Ahli JKP pelajar berdasarkan kepada beban kerja penyelidikan pelajar setiap semester; (c) Jumlah minimum kredit yang perlu didaftar adalah sebanyak enam (6) kredit dan jumlah maksimum kredit adalah 20 kredit pada setiap semester. Sekiranya pendaftaran kredit kurang atau melebihi jumlah yang dibenarkan, pelajar perlu mendapatkan kelulusan daripada SPS; dan (d) Bagi pelajar NG yang mendaftar dalam i-GIMS bagi mengikuti sangkutan penyelidikan, PYB PTJ perlu cakna bahawa pelajar perlu mendaftar kursus SPS5999/SPS6999 minimum enam (6) jam kredit dan Penasihat/Penyelia perlu melaksanakan penilaian prestasi melalui borang PG/ACA/GS-11 yang telah dilengkapi oleh pelajar dalam i-GIMS. (ii) PYB PTJ menerima pemakluman daripada PYB UA mengenai tarikh-tarikh penting berkaitan peperiksaan akhir termasuk tarikh akhir penghantaran dan pengesahan Borang <i>Progress Report</i> (PG/ACA/GS-11); (iii) PYB PTJ memberi peringatan sewajarnya kepada pelajar untuk menghantar Borang PG/ACA/GS-11 melalui i-GIMS mengikut tarikh yang ditetapkan dalam kalendar akademik;

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 63/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan
	(iv) PYB PTJ memberi peringatan kepada Pengerusi JKP untuk melaksanakan penilaian kemajuan penyelidikan pelajar melalui Borang PG/ACA/GS-11 melalui i-GIMS mengikut tarikh yang ditetapkan dalam kalendar akademik; (v) PYB PTJ memberi peringatan kepada TD/TP PTJ untuk melaksanakan pengesahan Borang PG/ACA/GS-11 melalui i-GIMS mengikut tarikh yang ditetapkan dalam kalendar akademik. (2) SPS6903/SPS5903 (i) TD/TP PTJ melantik Penyelaras bagi SPS5903/SPS6903 di peringkat PTJ (jika berkaitan); (ii) PYB PTJ menerima pemakluman daripada PYB UA mengenai tarikh-tarikh penting berkaitan peperiksaan akhir; (iii) PYB PTJ memantau pendaftaran SPS5903/SPS6903 oleh pelajar selewat-lewatnya pada semester kedua pengajian; (iv) Penyelaras/PYB PTJ menyediakan jadual pembentangan, mengenal pasti panel penilai dan memaklumkan tarikh pembentangan SPS5903/SPS6903 kepada pelajar; (v) Penyelaras/PYB PTJ melaksanakan sesi pembentangan mengikut perancangan dan mengumpulkan markah pelajar; (vi) Penyelaras/PYB PTJ menginput markah pelajar dalam i-GIMS selewat-lewatnya dua (2) minggu selepas hari terakhir minggu peperiksaan akhir. Gred yang dimasukkan mestilah sama ada 'Memuaskan' (M) atau 'Tidak Memuaskan' (TM). Fail kursus tidak perlu diwujudkan (3) Disertasi atau Projek (i) PYB PTJ memantau pendaftaran kursus oleh pelajar dengan mengambil perhatian perkara berikut;

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 64/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		(a) Pelajar perlu mendaftar kursus ini dalam i-GIMS untuk tempoh dua (2) semester berturut-turut; (b) Pelajar akan diberikan gred 'Sambung' (S) pada semester pertama pelajar mendaftar kursus ini: dan (c) Pelajar akan menerima gred pada semester kedua pelajar mendaftar kursus ini. (ii) PYB PTJ membuat hebahan mengenai tarikh-tarikh penting berkaitan peperiksaan akhir kepada pensyarah di PTJ; dan (iii) PYB PTJ merekod dan mengemaskini maklumat berdasarkan Senarai Semak dalam fail kursus (UPM.Kod PTJ.600-4/30/1)
10.3	Pengendalian Kuliah Ganti	(i) PYB PTJ membuat tempahan dewan kuliah/makmal untuk menjalankan kuliah/ amali gantian (jika berkaitan); (ii) PYB PTJ memaklumkan kepada pelajar (jika berkaitan) mengenai tarikh, masa dan tempat kuliah/amali gantian; dan (iii) PYB PTJ merekod dan mengemaskini maklumat berdasarkan Senarai Semak dalam fail kursus (UPM.Kod PTJ.600-4/30/1) termasuk Borang Kehadiran Kuliah/Amali (PU/S/BR07/GS-PRG04).
10.4	Pelaksanaan Penilaian Pengajaran	(i) Penyelaras/PYB Cade-Lead membuat hebahan proses penilaian pengajaran oleh pelajar sekurang-kurangnya sekali dalam satu (1) semester dengan mengisi borang Penilaian Pengajaran secara dalam talian melalui PutraBLAST dengan mengambil perhatian perkara berikut: (a) Modul Penilaian Pengajaran secara dalam talian akan diaktifkan oleh pihak CAde pada minggu ke-10 sehingga minggu ke-14 atau tempoh lain yang ditetapkan;

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 65/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan											
		(b) Penyelaras/Pensyarah memaklumkan kepada pelajar untuk mengisi borang Penilaian Pengajaran secara dalam talian melalui PutraBLAST; (c) Pentadbir sistem/PYB CADe-Lead menjalankan penggredan nilai skor penilaian pengajaran dan menyediakan laporan penilaian. Kategori nilai skor gred adalah berdasarkan tahap berikut: <table><tr><th>Tahap</th><th>Nilai Skor</th></tr><tr><td>Cemerlang</td><td>≥ 4.50</td></tr><tr><td>Baik</td><td>4.00- 4.49</td></tr><tr><td>Memuaskan</td><td>3.50- 3.99</td></tr><tr><td>Tidak Memuaskan</td><td><3.50</td></tr></table> (d) Penyelaras/PYB PTJ memuat turun laporan penilaian pengajaran melalui sistem Putrablast dan menyerahkan salinan laporan penilaian kepada Pensyarah.	Tahap	Nilai Skor	Cemerlang	≥ 4.50	Baik	4.00- 4.49	Memuaskan	3.50- 3.99	Tidak Memuaskan	<3.50
Tahap	Nilai Skor											
Cemerlang	≥ 4.50											
Baik	4.00- 4.49											
Memuaskan	3.50- 3.99											
Tidak Memuaskan	<3.50											
11.	Proses Pengajian Pelajar Pascasiswazah (<i>Candidature</i>)											
	11.1	Pertukaran Program Pengajian (1) Pertukaran Program Pengajian (Normal) (i) PYB PTJ menerima Borang <i>Application for Transfer</i> (PG/ACA/GS-08) yang telah disokong oleh Penasihat/Penyelia/Penyelaras Program daripada pelajar melalui i-GIMS/secara manual dengan mengambil perhatian perkara berikut: (a) Bagi pelajar yang berada pada semester pertama pengajian, permohonan boleh dibuat secara atas talian melalui portal pelajar; (b) Bagi pelajar yang berada pada semester kedua dan seterusnya, permohonan perlu dibuat secara manual melalui Borang PG/ACA/GS-08 yang boleh diperolehi daripada UA, SPS;										

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 66/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan
	(c) Pelajar yang membuat permohonan pada semester pertama dan semester kedua perlu mendapat kelulusan Dekan SPS sebelum keputusan dikemukakan ke Mesyuarat JKKAPS serta JKPSU sebagai kertas untuk makluman; (d) Pelajar yang membuat permohonan pada semester ketiga dan ke atas perlu mendapat pertimbangan dan kelulusan JKKAPS serta JKPSU; (e) Sekiranya pertukaran melibatkan Penasihat/Penyelia daripada PTJ yang berlainan, permohonan perlu mendapatkan pengesahan dari kedua-dua pihak; (f) Pelajar antarabangsa perlu berhubung dengan i-PUTRA untuk proses penukaran pas pelajar; (g) Pelarasan semula yuran pengajian adalah bagi pertukaran program daripada Program Secara Penyelidikan kepada Program Secara Kerja Kursus dimana pelajar akan dikenakan caj yuran per kredit untuk kursus- kursus yang telah didaftarkan oleh pelajar semasa dalam pengajian Program Secara Penyelidikan; dan (h) Sekiranya permohonan diluluskan selewat-lewatnya pada minggu ke-7, tarikh kuat kuasa pertukaran adalah pada semester semasa manakala permohonan yang diluluskan selepas minggu ke-7, tarikh kuat kuasa adalah pada semester berikutnya. Pelajar yang diluluskan permohonan pada semester pertama pengajian, tarikh kuat kuasa pertukaran adalah tertakluk kepada ketetapan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). (ii) PYB PTJ membuat semakan permohonan pertukaran program pengajian pelajar dalam i-GIMS/secara manual; (iii) PYB PTJ memaklumkan/memajukan borang permohonan yang telah disemak (jika berkaitan) kepada TD/TP PTJ untuk memproses permohonan melalui i-GIMS/secara manual; dan

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 67/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		(iv) TD/TP PTJ mengesahkan permohonan pelajar melalui i-GIMS/secara manual; dan (v) PYB PTJ mengembalikan borang permohonan yang telah disahkan (hanya bagi permohonan secara manual) kepada pelajar untuk dimajukan kepada PYB UA, SPS. (2) Pertukaran Program Pengajian (untuk ke ICP) (i) PYB PTJ menerima dokumen permohonan pertukaran program pengajian oleh PYB UPIBK; dan (ii) PYB PTJ memajukan surat sokongan selewat-lewatnya tujuh (7) hari selepas permohonan diterima daripada SPS. Nota: Borang PG/PI/GS-68 boleh diakses melalui laman web SPS. (3) Pertukaran Program Pengajian (untuk ke PSI) (i) PYB PTJ menerima borang '<i>Application for Change of Admission Offer Letter Before Registration</i> (PG/ADM/GS-65) yang telah diisi oleh calon PSI; dan (ii) PYB PTJ membantu mendapatkan tandatangan pengesahan daripada TD/TP PTJ dan mengembalikan semula borang kepada pelajar untuk tindakan lanjut. Nota: Borang PG/PI/GS-70 boleh diakses melalui laman web SPS
11.2	Pertukaran Bidang Pengajian bagi Program Secara Penyelidikan	(i) PYB PTJ menerima Borang <i>Application for Transfer</i> (PG/ACA/GS-08) yang telah disokong oleh Penasihat/Penyelia daripada pelajar melalui i-GIMS/secara manual dengan mengambil perhatian perkara berikut: (a) Bagi pelajar yang berada pada semester pertama pengajian, permohonan boleh dibuat secara atas talian melalui portal pelajar;

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 68/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
	(b) Bagi pelajar yang berada pada semester kedua dan seterusnya, permohonan perlu dibuat secara manual melalui Borang PG/ACA/GS-08 yang boleh diperolehi daripada UA, SPS; Pelajar yang membuat permohonan pada semester pertama dan semester kedua perlu mendapat kelulusan Dekan SPS sebelum keputusan dikemukakan ke Mesyuarat JKKAPS serta JKPSU sebagai kertas untuk makluman; (c) Pelajar yang membuat permohonan pada semester ketiga dan ke atas perlu mendapat pertimbangan dan kelulusan JKKAPS serta JKPSU; (d) Sekiranya pertukaran melibatkan Penasihat/Penyelia daripada PTJ yang berlainan, permohonan perlu mendapatkan pengesahan dari kedua-dua pihak; (e) Pelajar antarabangsa perlu berhubung dengan i-PUTRA untuk proses penukaran pas pelajar; dan (f) Sekiranya permohonan diluluskan selewat-lewatnya pada minggu ke-7, tarikh kuat kuasa pertukaran adalah pada semester semasa manakala permohonan yang diluluskan selepas minggu ke-7, tarikh kuat kuasa adalah pada semester berikutnya. Pelajar yang diluluskan permohonan pada semester pertama pengajian, tarikh kuat kuasa pertukaran adalah tertakluk kepada ketetapan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). (ii) PTJ membuat semakan permohonan pertukaran bidang pengajian pelajar dalam i-GIMS/secara manual; (iii) PYB PTJ memaklumkan/memajukan borang permohonan yang telah disemak (jika berkaitan) kepada TD/TP PTJ untuk memproses permohonan melalui i-GIMS/secara manual; dan (iv) TD/TP PTJ mengesahkan permohonan pelajar melalui i-GIMS/secara manual; dan	

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 69/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		(v) PYB PTJ mengembalikan borang permohonan yang telah disahkan (hanya bagi permohonan secara manual) kepada pelajar untuk dimajukan kepada PYB UA, SPS.
	11.3	Pertukaran Penempatan PTJ (i) PYB PTJ menerima Borang <i>Application for Transfer</i> (PG/ACA/GS-08) yang telah disokong oleh Penasihat/Penyelia daripada pelajar melalui i-GIMS/secara manual dengan mengambil perhatian perkara berikut: (a) Bagi pelajar yang berada pada semester pertama pengajian, permohonan boleh dibuat secara atas talian melalui portal pelajar; (b) Bagi pelajar yang berada pada semester kedua dan seterusnya, permohonan perlu dibuat secara manual melalui Borang PG/ACA/GS-08 yang boleh diperolehi daripada UA, SPS; (c) Pelajar yang membuat permohonan pada semester pertama dan semester kedua perlu mendapat kelulusan Dekan SPS sebelum keputusan dikemukakan ke Mesyuarat JKKAPS serta JKPSU sebagai kertas untuk makluman; (d) Pelajar yang membuat permohonan pada semester ketiga dan ke atas perlu mendapat pertimbangan dan kelulusan JKKAPS serta JKPSU; (e) Permohonan perlu mendapatkan pengesahan dari kedua-dua PTJ; (f) Pelajar antarabangsa perlu berhubung dengan i-PUTRA untuk proses penukaran pas pelajar; dan (g) Sekiranya permohonan diluluskan selewat-lewatnya pada minggu ke-7, tarikh kuat kuasa pertukaran adalah pada semester semasa manakala permohonan yang diluluskan selepas minggu ke-7, tarikh kuat kuasa adalah pada semester berikutnya. Pelajar yang diluluskan permohonan pada semester pertama pengajian, tarikh kuat kuasa pertukaran adalah tertakluk kepada ketetapan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 70/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		(ii) PTJ membuat semakan permohonan pertukaran penempatan PTJ pelajar dalam i-GIMS/secara manual; (iii) PYB PTJ memaklumkan/memajukan borang permohonan yang telah disemak (jika berkaitan) kepada TD/TP PTJ untuk memproses permohonan melalui i-GIMS/secara manual; dan (iv) TD/TP PTJ mengesahkan permohonan pelajar melalui i-GIMS/secara manual; dan (v) PYB PTJ mengembalikan borang permohonan yang telah disahkan (hanya bagi permohonan secara manual) kepada pelajar untuk dimajukan kepada PYB UA, SPS.
11.4	Naik Taraf Pengajian dari Program Master ke PhD	(i) PYB PTJ menerima permohonan naik taraf pengajian melalui Borang <i>Application for Conversion of Masters Programme to PhD</i> (PG/ACA/GS-09) yang telah disokong oleh Penasihat/Penyelia daripada pelajar melalui i-GIMS; (ii) PYB PTJ membuat semakan permohonan naik taraf pengajian pelajar berdasarkan syarat yang berikut: (a) Pelajar hendaklah telah menamatkan sekurang-kurangnya satu (1) semester dan tidak melebihi dua (2) semester pengajian. PYB PTJ perlu memastikan permohonan naik taraf ini dibuat selewat-lewatnya sebelum tamat semester kedua pengajian pelajar; (b) Pelajar telah melengkapkan semua keperluan kerja kursus seperti yang ditetapkan oleh SPS dan PTJ, dan memperoleh PNGK sekurang-kurangnya 3.750; (c) Pelajar mesti menunjukkan pencapaian penyelidikan yang signifikan melalui salah satu daripada perkara berikut:

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 71/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan
	• Menerbitkan atau menunjukkan bukti penerimaan artikel dalam jurnal berwasit (Scopus/ERA/JCR); atau • Memfailkan paten/hakcipta (software-based)/ reka cipta industri/ papan litar bercetak (printed circuit board)/ inovasi utiliti: atau • Pelajar dalam bidang sains sosial mesti menunjukkan bukti menerbitkan bab dalam buku di bawah senarai penerbit <i>Thomson Reuters Web of Science (WOS)/University Publisher/Dewan Bahasa dan Pustaka</i> /penerbit yang diiktiraf dan tersenarai di bawah Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM). (d) Pelajar mengemukakan cadangan penyelidikan yang setara dengan keperluan di peringkat PhD; (e) Permohonan yang tidak memenuhi syarat yang dinyatakan tidak akan dibawa ke JKKAPS untuk pertimbangan; dan (f) Sekiranya permohonan diluluskan selewat-lewatnya pada minggu ke-7, tarikh kuat kuasa pertukaran adalah pada semester semasa manakala permohonan yang diluluskan selepas minggu ke-7, tarikh kuat kuasa adalah pada semester berikutnya. (iii) PYB PTJ melantik jawatankuasa bebas yang terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahli, dan dipengerusikan oleh TD/TP PTJ, bagi menilai permohonan naik taraf pengajian pelajar. Penilaian hendaklah dilaksanakan berdasarkan: (a) Tahap kemajuan penyelidikan pelajar semasa di peringkat Master; dan (b) Pembentangan seminar cadangan penyelidikan yang setara dengan keperluan di peringkat PhD. (iv) PYB PTJ menetapkan tarikh, masa dan tempat pembentangan, serta memaklumkan kepada pelajar untuk menghadiri sesi tersebut;

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 72/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		(v) PYB PTJ memaklumkan kepada TD/TP PTJ untuk memproses permohonan melalui i-GIMS; dan (vi) TD/TP PTJ mengesahkan permohonan pelajar melalui i-GIMS; dan (vii) PYB PTJ mengembalikan borang permohonan yang telah disahkan berserta dokumen sokongan untuk dimajukan kepada PYB UA, SPS.
11.5	Turun Taraf Pengajian dari Program PhD ke Master (1) Permohonan Turun Taraf Pengajian atas Permintaan Pelajar (i) PYB PTJ menerima permohonan turun taraf pengajian melalui surat rasmi yang telah disokong oleh Penasihat/Penyelia daripada pelajar dengan mengambil perhatian perkara berikut; (a) Sekiranya permohonan diluluskan selewat-lewatnya pada minggu ke-7, tarikh kuat kuasa pertukaran adalah pada semester semasa manakala permohonan yang diluluskan selepas minggu ke-7, tarikh kuat kuasa adalah pada semester berikutnya; dan (b) Permohonan yang tidak lengkap tidak akan dibawa ke JKKAPS untuk pertimbangan. (ii) PYB PTJ memajukan surat rasmi yang telah disokong oleh Penasihat/Penyelia kepada TD/TP PTJ untuk pengesahan; dan (iii) PYB PTJ memajukan surat rasmi yang telah disahkan oleh TD/TP PTJ kepada pelajar untuk dimajukan kepada PYB UA, SPS. (2) Permohonan Turun Taraf Pengajian atas Permintaan Penasihat/Penyelia (i) PYB PTJ menerima permohonan turun taraf pengajian melalui surat rasmi daripada Penasihat/Penyelia setelah mendapatkan persetujuan daripada pelajar. Permohonan turun taraf perlu mengambil perhatian perkara berikut;	

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 73/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		(a) Pelajar boleh diturunkan taraf pengajian ke peringkat Master sekiranya berlaku mana-mana keadaan berikut: ● Gagal dalam CE ● Penyelia/Penasihat berpendapat bahawa pelajar tidak berkeupayaan untuk meneruskan pengajian di peringkat PhD; ● terdapat perubahan pada skop penyelidikan berbanding skop asal yang telah diluluskan semasa permohonan naik taraf; ● Projek penyelidikan yang dijalankan tidak memenuhi Hasil Pembelajaran Program (PLO) bagi pengajian di peringkat PhD; dan/atau ● Pelajar menukar bidang pengajian. (b) Sekiranya permohonan diluluskan selewat-lewatnya pada minggu ke-7, tarikh kuat kuasa pertukaran adalah pada semester semasa manakala permohonan yang diluluskan selepas minggu ke-7, tarikh kuat kuasa adalah pada semester berikutnya; dan (c) Permohonan yang tidak lengkap tidak akan dibawa ke JKKAPS untuk pertimbangan. (ii) PYB PTJ memajukan surat rasmi kepada TD/TP PTJ untuk pengesahan; dan (iii) PYB PTJ memajukan surat rasmi yang telah disahkan oleh TD/TP PTJ kepada PYB UA, SPS.
11.6	Penangguhan Pengajian	(i) PYB PTJ menerima permohonan penangguhan pengajian melalui Borang <i>Application for Deferment of Semester</i> (PG/ACA/GS-07) yang telah disokong oleh Penasihat/Penyelia daripada pelajar melalui i-GIMS; (ii) PYB PTJ membuat semakan permohonan penangguhan pengajian melalui i-GIMS dengan mengambil perhatian perkara berikut: (a) Pelajar dibenarkan memohon penangguhan pengajian sebanyak maksimum dua (2) semester sepanjang tempoh pengajian;

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 74/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		(b) Tambahan dua (2) semester lagi boleh dipohon hanya sekiranya pelajar menghadapi masalah kesihatan atau berdasarkan justifikasi khusus yang disertakan dengan dokumen sokongan yang lengkap. Bagi permohonan yang melibatkan masalah kesihatan, laporan kesihatan perlu dimajukan kepada PYB UA untuk semakan sebelum PYB UA memajukan laporan berkenaan kepada PKU untuk pengesahan; (c) Permohonan penangguhan pengajian yang melebihi empat (4) semester secara keseluruhan adalah tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) [TNCAA]; (d) Permohonan yang tidak lengkap, tidak mendapat pengesahan/sokongan, atau tidak disertakan dengan dokumen sokongan tidak akan dipertimbangkan; (e) Pelajar tidak berada dalam status 'Resubmission' selepas menjalani sesi viva voce pada semester sebelumnya; dan (f) Yuran dan penalti penangguhan mengikut minggu permohonan adalah seperti berikut: • Minggu 1–2 selepas semester bermula: Caj perkhidmatan sebanyak RM100.00 akan dikenakan; • Minggu 3–7 selepas semester bermula: Penalti sebanyak RM600.00 akan dikenakan; dan • Minggu ke-8 dan seterusnya: Permohonan tidak akan dipertimbangkan, kecuali atas alasan kesihatan atau justifikasi munasabah yang disokong oleh dokumen rasmi, dan pelajar akan dikenakan yuran penuh bagi semester berkenaan. (iii) PYB PTJ menghantar peringatan kepada Penasihat/Penyelia untuk memproses (sokong/tidak sokong) permohonan pelajar melalui i-GIMS;

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 75/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan							
		(iv) PYB PTJ memajukan permohonan yang telah diproses oleh Penasihat/Penyelia kepada TD/TP PTJ; dan (v) TD/TP PTJ mengesahkan permohonan pelajar yang telah diproses oleh Penasihat/Penyelia dalam tempoh lima (5) hari bekerja						
11.7	Tarik Diri Daripada Pengajian (i) PYB Pejabat Bursar mengesahkan pada Borang <i>Application of Withdrawal from Study</i> (PG/ACA/GS-49) pelajar bahawa pelajar tidak mempunyai sebarang tunggakan bayaran dengan UPM; (ii) PYB PSAS mengesahkan pada borang permohonan pelajar bahawa tiada peminjaman buku yang masih belum dipulangkan; (iii) PYB PTJ menerima permohonan yang telah disahkan oleh Pejabat Bursar, PSAS dan disokong oleh Penasihat/Penyelia daripada pelajar; (iv) PYB PTJ memajukan permohonan yang telah diproses oleh Penasihat/Penyelia kepada TD/TP PTJ; dan (v) TD/TP PTJ mengesahkan permohonan pelajar yang telah diproses oleh Penasihat/Penyelia.							
11.8	Pelanjutan Tempoh Pengajian (i) PYB PYB PTJ menerima senarai pelajar yang kini berada dalam semester terakhir pada minggu ke-10 selepas semester bermula; Semester akhir merujuk kepada: <table border="1"> <tr> <th>Program</th><th>Mod Pengajian</th><th>Bilangan Semester</th></tr> <tr> <td>Master</td><td>Sepenuh Masa</td><td>7 hingga 9</td></tr> </table>		Program	Mod Pengajian	Bilangan Semester	Master	Sepenuh Masa	7 hingga 9
Program	Mod Pengajian	Bilangan Semester						
Master	Sepenuh Masa	7 hingga 9						

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 76/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan											
			<table><tr><td></td><td>Separuh Masa</td><td>7 hingga 11</td></tr><tr><td rowspan="2">PhD</td><td>Sepenuh Masa</td><td>11 hingga 13</td></tr><tr><td>Separuh Masa</td><td>11 hingga 15</td></tr></table>		Separuh Masa	7 hingga 11	PhD	Sepenuh Masa	11 hingga 13	Separuh Masa	11 hingga 15	
	Separuh Masa	7 hingga 11										
PhD	Sepenuh Masa	11 hingga 13										
	Separuh Masa	11 hingga 15										
		(ii) PYB PTJ memaklumkan kepada Penasihat/Penyelia dan pelajar untuk melengkapkan Borang <i>Application for Extension of Study Period</i> (PG/ACA/GS-13c) secara dalam talian melalui i-GIMS; (iii) PYB PTJ menyemak borang yang telah dilengkapkan oleh pelajar dengan mengambil perhatian perkara berikut: (a) Pelajar dibenarkan membuat permohonan pelanjutan tempoh pengajian sebanyak dua (2) kali dan tempoh yang dibenarkan untuk pelanjutan adalah sebanyak maksimum tiga (3) semester sahaja melainkan hanya bagi kes-kes tertentu. (b) Tindakan yang perlu diambil oleh pelajar adalah seperti berikut:										
		<table><tr><th>Kategori pelajar</th><th>Tindakan</th></tr><tr><td>Pelajar semester akhir yang mengemukakan permohonan dalam tempoh, dan kelulusan diperoleh dalam semester yang sama</td><td>Lengkapkan Borang <i>Application for Extension of Study Period</i> (PU/S/BR04/GS-13c) melalui Portal Pelajar sebelum semester baharu bermula</td></tr><tr><td>Pelajar semester akhir yang mengemukakan permohonan dalam tempoh, tetapi kelulusan diperoleh selepas semester berakhir</td><td>Lengkapkan kedua-dua borang berikut melalui Portal Pelajar: • Borang Review Against Termination (PU/S/BR04/GS-13b) • Borang Application for Extension of Study Period (PU/S/BR04/GS-13c) </td></tr></table>	Kategori pelajar	Tindakan	Pelajar semester akhir yang mengemukakan permohonan dalam tempoh, dan kelulusan diperoleh dalam semester yang sama	Lengkapkan Borang <i>Application for Extension of Study Period</i> (PU/S/BR04/GS-13c) melalui Portal Pelajar sebelum semester baharu bermula	Pelajar semester akhir yang mengemukakan permohonan dalam tempoh, tetapi kelulusan diperoleh selepas semester berakhir	Lengkapkan kedua-dua borang berikut melalui Portal Pelajar: • Borang Review Against Termination (PU/S/BR04/GS-13b) • Borang Application for Extension of Study Period (PU/S/BR04/GS-13c)				
Kategori pelajar	Tindakan											
Pelajar semester akhir yang mengemukakan permohonan dalam tempoh, dan kelulusan diperoleh dalam semester yang sama	Lengkapkan Borang <i>Application for Extension of Study Period</i> (PU/S/BR04/GS-13c) melalui Portal Pelajar sebelum semester baharu bermula											
Pelajar semester akhir yang mengemukakan permohonan dalam tempoh, tetapi kelulusan diperoleh selepas semester berakhir	Lengkapkan kedua-dua borang berikut melalui Portal Pelajar: • Borang Review Against Termination (PU/S/BR04/GS-13b) • Borang Application for Extension of Study Period (PU/S/BR04/GS-13c)											

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 77/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan												
	Pelajar semester akhir yang mengemukakan permohonan selepas semester berakhir Lengkapkan kedua-dua borang berikut melalui Portal Pelajar dan buat bayaran penalti sebanyak RM50.00: - Borang Review Against Termination (PU/S/BR04/GS-13b) - Borang Application for Extension of Study Period (PU/S/BR04/GS-13c)												
	Pelajar yang telah mencapai tempoh pengajian maksimum Lengkapkan kedua-dua borang berikut melalui Portal Pelajar dan buat bayaran penalti sebanyak RM50.00: - Borang Review Against Termination (PU/S/BR04/GS-13b) - Borang Application for Extension of Study Period (PU/S/BR04/GS-13c)												
	(c) Bagi kes pelajar yang telah berstatus ‘Gagal dan Diberhentikan’ (<i>Terminated GB</i>) disebabkan pelajar telah berada pada tempoh maksimum pelanjutan pengajian, PYB UA akan menghantar emel kepada pelajar untuk melengkapkan Borang <i>Application for Review Against Termination-Terminated (Exceeded Duration)</i> (PG/ACA/GS-52) secara manual melalui portal pelajar yang disokong oleh penyelia dan disahkan oleh TD/TP PTJ dan dihantar bersama satu salinan draf tesis yang sedang disiapkan kepada SPS berserta bayaran yuran proses berjumlah RM50.00. Kes pelajar akan dibawa ke JKSS bagi pertimbangan dan kelulusan. (d) Tempoh pengajian maksimum merujuk kepada: <table> <tr> <th>Program</th><th>Mod Pengajian</th><th>Bilangan Semester</th></tr> <tr> <td rowspan="2">Master</td><td>Sepenuh Masa</td><td>9 dan ke atas</td></tr> <tr> <td>Sepuluh Masa</td><td>11 dan ke atas</td></tr> <tr> <td>PhD</td><td>Sepenuh</td><td>13 dan ke atas</td></tr> </table>		Program	Mod Pengajian	Bilangan Semester	Master	Sepenuh Masa	9 dan ke atas	Sepuluh Masa	11 dan ke atas	PhD	Sepenuh	13 dan ke atas
Program	Mod Pengajian	Bilangan Semester											
Master	Sepenuh Masa	9 dan ke atas											
	Sepuluh Masa	11 dan ke atas											
PhD	Sepenuh	13 dan ke atas											

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 78/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan			
			Masa Separuh Masa	15 dan ke atas
		(iv) PYB PTJ memajukan borang yang telah disemak kepada TD/TP PTJ untuk pengesahan; dan (v) TD/TP PTJ mengesahkan borang yang telah disemak oleh PYB PTJ untuk tindakan PYB UA, SPS.		
	11.9	Penyambungan Semula Status Pengajian [bagi Pelajar Pascasiswazah yang Berstatus 'Gugur' (<i>Dropped</i>) Disebabkan Pelajar Tidak Mendaftar Kursus dan Membayar/Tidak Membayar Yuran] (i) PYB PTJ menerima Borang <i>Application to Add/Drop Course</i> (PG/ACA/GS-06) yang lengkap (disokong oleh pensyarah kursus/penyelaras program) daripada pelajar dengan mengambil perhatian perkara berikut: (a) Status pelajar akan bertukar kepada 'Gugur' (<i>Dropped</i>) sekiranya pelajar tidak mendaftar kursus dalam tempoh tujuh (7) minggu selepas semester bermula. (b) Pelajar yang berstatus pengajian 'Gugur' (<i>Dropped</i>) adalah tidak dibenarkan untuk menghadiri kuliah, menduduki peperiksaan akhir dan menghantar tesis untuk peperiksaan selagi pelajar berhutang dengan UPM. (c) Pelajar yang mendaftar bermula minggu pertama selepas semester bermula akan dikenakan penalti lewat daftar berjumlah RM100.00. (d) Sekiranya permohonan bagi penyambungan semula status pengajian diterima menjangkau semester, pelajar akan dikenakan penalti penangguhan RM600.00 bagi setiap semester yang ditangguhkan manakala baki pengajian yang telah dijelaskan akan dibawa ke semester hadapan.		

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 79/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		(e) PYB PTJ memajukan borang yang telah disemak kepada TD/TP PTJ untuk pengesahan; (ii) TD/TP PTJ mengesahkan permohonan pelajar berserta justifikasi berkaitan (sokong/tidak sokong); dan (iii) PYB PTJ mengembalikan borang yang telah disahkan oleh TD/TP PTJ kepada pelajar untuk dimajukan kepada PYB UA.
11.10	Penyambungan Semula Status Pengajian [bagi Pelajar Pascasiswazah Antarabangsa yang Berstatus 'Gugur' (<i>Dropped</i>) Disebabkan Menghidapi Penyakit Berjangkit dan Tidak Menghantar Laporan Perubatan kepada PKU setiap Semester] (i) PYB PKU menerima laporan perubatan daripada pelajar yang didapati mengidap penyakit berjangkit dengan mengambil perhatian perkara berikut: (a) Status pelajar akan bertukar kepada 'Gugur' (<i>Dropped</i>) sekiranya pelajar tidak menghantar laporan perubatan kepada PKU dalam tempoh tujuh (7) minggu selepas semester bermula. (b) Pelajar tidak boleh dibenarkan untuk mendaftar sebarang kursus selagi PKU belum mengesahkan bahawa pelajar berada dalam keadaan yang sihat untuk meneruskan pengajian pada semester tersebut. (c) Pelajar tidak dibenarkan sama sekali untuk berada di kampus sepanjang tempoh pengajian. (ii) PYB PKU mengesahkan bahawa pelajar berada dalam keadaan yang baik untuk meneruskan pengajian pada semester berkenaan; dan (iii) PYB PKU memaklumkan kepada PYB UA dan PYB PTJ bahawa laporan perubatan telah diterima daripada pelajar, dan pelajar berada dalam keadaan yang baik untuk meneruskan pengajian.	

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 80/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
	11.11	Pengemaskinian Status Pengajian Pelajar kepada 'Tarik Diri' (<i>Withdraw</i>) (i) PYB PTJ menerima notis peringatan terakhir untuk pelajar yang berkenaan mendaftar sebelum minggu pertama semester bermula; (ii) PYB PTJ memaklumkan kepada pelajar yang berkenaan untuk mengambil tindakan yang berkaitan. Pelajar boleh memohon untuk penyambungan semula status pengajian selewatnya pada semester kedua pelajar diberikan status 'Gugur' (<i>Dropped</i>), permohonan selepas tempoh tersebut tidak lagi akan dipertimbangkan; dan (iii) PYB PTJ mendapatkan pengesahan TD/TP PTJ pada surat permohonan penyambungan semula status pengajian yang disediakan oleh pelajar dan telah disokong oleh Penasihat/Penyelia/Penyelaras Program.
	11.12	Proses Permohonan Pertukaran Mod Pengajian daripada Sepenuh Masa kepada Separuh Masa (hanya untuk pelajar tempatan sahaja) (i) PYB PTJ menerima notis peringatan terakhir untuk pelajar yang berkenaan mendaftar sebelum minggu pertama semester bermula; (ii) PYB PTJ menerima Borang Permohonan Pendaftaran Mod Pengajian Separuh Masa (PG/ACA/GS-66) daripada pelajar (disokong oleh Penasihat/Penyelia/Penyelaras Program); (iii) PYB PTJ memajukan permohonan pelajar kepada TD/TP PTJ untuk pengesahan; dan (iv) TD/TP PTJ mengesahkan permohonan pelajar.
12.	Pelantikan dan Pelantikan Semula Ahli Jawatankuasa Penyeliaan Pelajar Pascasiswazah bagi Program Secara Penyelidikan	
	12.1	Pelantikan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan Pelajar (i) PYB PTJ menghantar peringatan kepada pelajar yang masih belum melaksanakan penamaan JKP selewat-lewatnya pada akhir semester kedua

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 81/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan
	berdasarkan senarai yang diterima daripada SPS. Penamaan perlu dibuat selewat-lewatnya pada semester kedua (2) pengajian. Sekiranya gagal berbuat demikian, status pengajian pelajar akan bertukar kepada 'Digantung' (<i>Suspended</i>); (ii) PYB PTJ menerima Borang Penamaan Jawatankuasa Penyeliaan (PG/ACA/GS-10a) melalui sistem i-GIMS; (iii) PYB PTJ menyemak borang yang diterima dan memajukan permohonan untuk pengesahan/kelulusan JKPSF (sekiranya berkaitan) dengan mengambil perhatian perkara berikut: (a) Kuota penyeliaan ● Pensyarah Kanan: 10 ● Profesor Madya: 12 ● Profesor: 15 (b) Bagi pelajar ICP, Ahli JKP perlu merangkumi sekurang-kurangnya satu (1) ahli daripada institusi kerjasama. 1. Bagi pelajar PSI, Ahli JKP perlu merangkumi sekurang-kurangnya satu (1) ahli daripada industri yang memenuhi kriteria berikut: Pelajar Master: ● Memegang jawatan kanan di syarikat/industri; ● Pemegang Ijazah PhD atau Master, atau bagi pemegang ijazah Sarjana Muda mestilah mempunyai pengalaman kerja minimum 5 tahun. Pelajar PhD: ● Memegang jawatan kanan di syarikat/industri; ● Pemegang Ijazah PhD, atau bagi pemegang Ijazah Sarjana mestilah mempunyai pengalaman kerja minimum 10 tahun.

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 82/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		2. Bagi pelajar PSI, Penyelia pelajar perlu membuat tuntutan bayaran penyeliaan pada setiap semester mengikut kadar yang ditetapkan seperti berikut: Elaun Penyelia : RM500.00 per pelajar per semester. - Maksimum enam (6) semester bagi pelajar Master dan lapan (8) semester bagi pelajar PhD. Tuntutan hanya dibuat bagi semester di mana pelajar berstatus 'aktif' sahaja. (c) Penyelia pelajar PSI juga boleh membuat tuntutan Elaun Lawatan Industri sekiranya lawatan dilaksanakan secara fizikal dengan kadar seperti berikut: - Dalam Negara (pelajar tempatan): RM1,500.00 per pelajar sepanjang tempoh pengajian. - Luar Negara (pelajar antarabangsa): RM5,000.00 per pelajar sepanjang tempoh pengajian (iv) TD/TP PTJ mengesahkan borang yang telah disemak; dan (v) PYB PTJ menghantar permohonan yang telah disahkan ke SPS.
	12.2	Pelantikan Semula Ahli Jawatankuasa Penyeliaan Pelajar (i) PYB PTJ menerima Borang Penamaan Semula Jawatankuasa Penyeliaan (PG/ACA/GS-10b) secara manual; (ii) PYB PTJ memajukan permohonan untuk pengesahan/kelulusan JKPSF (sekiranya berkaitan) dengan mengambil perhatian perkara berikut; (a) Kuota penyeliaan - Pensyarah Kanan: 10 - Profesor Madya: 12 - Profesor: 15

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 83/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		(b) Sebab-sebab penamaan semula adalah sekiranya Pengerusi atau Ahli; • Telah dan akan bersara • Sedang bercuti panjang kerana masalah kesihatan/alasan yang lain • Tidak lagi berkhidmat dengan Universiti • Tidak berkecukupan atas alasan tertentu • Mempunyai alasan yang kukuh untuk menarik diri daripada JKP • Meninggal dunia (c) Borang PG/ACA/GS-10b perlu mendapat persetujuan daripada setiap ahli jawatankuasa penyeliaan sedia ada dan juga setiap ahli jawatankuasa penyeliaan yang baharu. (d) Penamaan semula perlu dilaksanakan selewatnya pada semester ketiga bagi program Master dan selewatnya pada semester kelima bagi program PhD. (e) Sekiranya permohonan diluluskan selewat-lewatnya pada minggu ke-11, tarikh kuat kuasa pertukaran adalah pada semester semasa manakala permohonan yang diluluskan selepas minggu ke-11, tarikh kuat kuasa adalah pada semester berikutnya. Dalam keadaan ini, Pengerusi asal perlu membuat pengesahan Laporan <i>Progress Report</i> (PG/ACA/GS-11) dalam i-GIMS. (f) Bagi pelajar yang telah melantik Ahli JKP dan kemudian memohon pertukaran ke ICP atau PSI, pelajar perlu melaksanakan penamaan semula Ahli JKP mengikut keperluan program. (iii) TD/TP PTJ mengesahkan borang yang telah disemak; dan (iv) PYB PTJ menghantar permohonan yang telah disahkan ke PYB UA, SPS.
13.	Peperiksaan Komprehensif (CE)	
	13.1	Peperiksaan Komprehensif (bagi Pelajar Program PhD Secara Penyelidikan Sahaja)

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 84/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		(i) PYB PTJ menerima senarai pelajar PhD yang berada dalam semester ketiga dan keempat pengajian bagi pelajar Sepenuh Masa dan semester kelima bagi pelajar Separuh Masa yang masih belum menduduki CE pada minggu ke-10 daripada PYB UA, SPS; (ii) PYB PTJ maklumkan kepada pensyarah dan pelajar yang terlibat untuk mengambil perhatian berikut; (a) Pelajar hanya dibenarkan menduduki CE selepas selesai semua kursus wajib dan dalam tempoh empat semester (Sepenuh Masa) dan enam semester (Separuh Masa), status pelajar akan bertukar kepada 'Gagal dan Diberhentikan' (<i>Terminated GB</i>) sekiranya gagal menduduki CE dalam tempoh ditetapkan; (b) CE hendaklah mengandungi peperiksaan bertulis dan lisan dan pelajar perlu lulus kedua-dua peperiksaan itu yang setara dengan gred B; (c) Pelajar tidak dibenarkan mengambil peperiksaan lisan sehingga pelajar telah lulus peperiksaan bertulis. Peperiksaan lisan perlu dilaksanakan tidak lewat daripada 30 hari selepas peperiksaan bertulis; (d) Peperiksaan hendaklah dijalankan oleh Jawatankuasa Penyeliaan pelajar, atau suatu jawatankuasa khas yang dilantik oleh PTJ; (e) Sekiranya pelajar tidak dapat mengambil CE dalam tempoh yang ditetapkan atas alasan perubatan, atau mengalami kecemasan selain daripada alasan perubatan, pelajar itu perlu memohon pelanjutan masa yang disokong dengan dokumen berkaitan untuk kelulusan Dekan; dan (f) Pelajar diberikan peluang sebanyak dua kali untuk lulus peperiksaan. Peperiksaan kali kedua hendaklah diambil dalam tempoh 60 hari selepas peperiksaan kali pertama. Sekiranya gagal kali kedua pelajar akan ditamatkan pengajian dan pelajar boleh dicadangkan untuk turun taraf ke program Master.

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 85/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		(iii) PYB PTJ menghantar Borang Keputusan Peperiksaan Komprehensif-PhD (PG/ACA/GS-12) yang lengkap (disahkan oleh semua penilai dan TD/TP PTJ) kepada PYB UA, SPS.
14.	Penilaian dan Peperiksaan Akhir	
	14.1	Pengurusan Keputusan Peperiksaan Akhir Bagi Kursus Berstruktur (i) PYB PTJ menerima notis peringatan berkaitan pengurusan peperiksaan akhir beserta tarikh-tarikh penting daripada PYB UA, SPS melalui emel selewat-lewatnya pada minggu ke-13; (ii) PYB PTJ menetapkan tarikh peperiksaan akhir untuk setiap kursus yang ditawarkan dalam semester dengan mewujudkan jadual waktu peperiksaan akhir; dan (iii) PYB PTJ memasukkan tarikh peperiksaan akhir ke dalam i-GIMS dan memastikan peperiksaan dijalankan dalam tempoh minggu peperiksaan.
	14.2	Penyediaan Kertas Soalan Peperiksaan Akhir (i) PYB PTJ memastikan kertas soalan peperiksaan akhir disediakan mengikut tempoh yang ditetapkan; (ii) PYB PTJ mencetak kertas soalan yang diterima daripada pensyarah setelah menjalani proses moderasi (jika berkaitan) selewat-lewatnya tiga (3) hari sebelum peperiksaan dijalankan; dan (iii) PYB PTJ menyimpan kertas soalan peperiksaan di tempat yang selamat sehingga peperiksaan dijalankan.
	14.3	Pelaksanaan Peperiksaan (i) TD/TP/PYB PTJ memantau pelaksanaan peperiksaan akhir mengikut tarikh dan masa yang ditetapkan.

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 86/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan																							
	14.4	Kemasukan Gred dalam i-GIMS (i) TD/TP/PYB PTJ memantau kemasukan markah peperiksaan akhir oleh pensyarah dalam i-GIMS mengikut tempoh seperti berikut selepas hari terakhir minggu peperiksaan akhir: <table border="1"> <thead> <tr> <th>Jenis Kalendar</th><th>Semester</th><th>Tempoh Kemasukan Markah dari Tarikh Akhir Peperiksaan Dijalankan (hari)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td rowspan="3">Dual</td><td>Pertama</td><td>10</td></tr> <tr> <td>Kedua</td><td>14</td></tr> <tr> <td>Pendek (Jika berkaitan)</td><td>14</td></tr> <tr> <td rowspan="3">Trimester</td><td>Pertama</td><td>7</td></tr> <tr> <td>Kedua</td><td>7</td></tr> <tr> <td>Ketiga</td><td>7</td></tr> <tr> <td rowspan="2">Sesi (Program Perubatan)</td><td>Pertama</td><td>14</td></tr> <tr> <td>Kedua</td><td>14</td></tr> </tbody> </table> (ii) TD/TP/PYB PTJ memberi peringatan kepada pensyarah berkaitan selewatnya tiga (3) hari sebelum tarikh akhir kemasukan markah peperiksaan akhir dengan mengambil perhatian perkara berikut: (a) Gred “S” akan diberikan kepada Projek/Disertasi/Latihan Industri/<i>Internship</i> bagi pelajar yang mengikuti program Secara Kerja Kursus yang dijalankan dalam tempoh dua (2) semester. Pelajar hanya diberikan gred apabila kajian kes atau projek itu dilengkapkan pada akhir semester berikutnya; (b) Laporan Kemajuan Penyelidikan (GS-11) atau Projek/Disertasi yang tidak lengkap diberikan gred Tidak Lengkap (TL) oleh	Jenis Kalendar	Semester	Tempoh Kemasukan Markah dari Tarikh Akhir Peperiksaan Dijalankan (hari)	Dual	Pertama	10	Kedua	14	Pendek (Jika berkaitan)	14	Trimester	Pertama	7	Kedua	7	Ketiga	7	Sesi (Program Perubatan)	Pertama	14	Kedua	14
Jenis Kalendar	Semester	Tempoh Kemasukan Markah dari Tarikh Akhir Peperiksaan Dijalankan (hari)																						
Dual	Pertama	10																						
	Kedua	14																						
	Pendek (Jika berkaitan)	14																						
Trimester	Pertama	7																						
	Kedua	7																						
	Ketiga	7																						
Sesi (Program Perubatan)	Pertama	14																						
	Kedua	14																						

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 87/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		Penasihat/Penyelia/. Gred ini hanya sah sehingga akhir minggu kedua semester berikutnya. Kegagalan menukarkan gred 'TL' dalam tempoh itu akan menyebabkan gred itu menjadi 'F'/'TM'; (c) Sekiranya gred sebenar tidak dihantar pada tarikh akhir, gred kursus itu akan bertukar secara automatik kepada 'N'. Kegagalan menghantar gred sebenar pada minggu kedua semester berikutnya akan menyebabkan gred 'F'/'TM'; (d) Rayuan memasukkan markah lewat dibenarkan sehingga maksimum 14 hari selepas tarikh peperiksaan terakhir. Pensyarah yang masih tidak memasukkan markah selepas tempoh yang ditetapkan kebenaran memasukkan markah adalah tertakluk kepada kelulusan TNCAA. (iii) PYB PTJ menerima senarai gred yang telah dicetak oleh Pensyarah/Penyelaras; (iv) PYB PTJ mengemaskini rekod ke dalam fail kursus selewat-lewatnya minggu ke-18.
15.	Pengurusan Peperiksaan Semula	
	15.1	Peperiksaan Semula bagi Kursus Berstruktur (i) PYB PTJ menerima Permohonan Peperiksaan Semula Kursus (PG/ACA/GS-51) yang telah disokong oleh Pensyarah kursus/Penyelaras Program; (ii) PYB PTJ membuat semakan terhadap Borang PG/ACA/GS-51 yang dimajukan oleh pelajar dengan mengambil perhatian perkara berikut: (a) Pelajar yang layak adalah yang berstatus 'Percubaan' (<i>Probation</i>) dan 'Gagal dan Diberhentikan' (<i>Terminated</i>). (b) Gred tertinggi yang boleh diberikan untuk permohonan peperiksaan semula adalah gred 'B' sahaja;

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 88/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		(c) Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses untuk perubahan gred; (d) Peperiksaan semula perlu dilakukan dalam tempoh dua (2) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan kepada pelajar; dan (e) Sekiranya status pengajian pelajar adalah 'Gagal dan Diberhentikan' (<i>Terminated GB</i>), gred baharu akan dibawa ke Mesyuarat JKSS bagi pertimbangan dan kelulusan. (iii) PYB PTJ memajukan borang yang telah disemak kepada TD/TP PTJ untuk pengesahan; dan (iv) PYB PTJ mengembalikan borang yang telah disahkan oleh TD/TP PTJ kepada PYB UA, SPS untuk tindakan berkaitan.
16.	Pengurusan Semakan Peperiksaan	
	16.1	Semakan Gred (i) PYB PTJ menerima Borang Semakan Gred (PG/ACA/GS-13a) yang lengkap disokong oleh Pensyarah Kursus/Penyelaras Program melalui portal pelajar; (ii) PYB PTJ membuat semakan terhadap Borang PG/ACA/GS-13a yang dimajukan oleh pelajar dengan mengambil perhatian perkara berikut: (a) Maklumat yang perlu disemak oleh PYB PTJ dalam Borang PG/ACA/GS-13c adalah seperti berikut: - Markah/Gred baharu (sekiranya terdapat perubahan pada markah/gred). Penilaian mestilah berdasarkan semakan ke atas kerja kursus, penilaian dan peperiksaan akhir sahaja. Pemberian markah/gred baharu berdasarkan kepada tugasan/penilaian/peperiksaan ulangan dan tambahan adalah tidak dibenarkan; - Justifikasi perubahan markah/gred; dan

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 89/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		Pengesahan Pensyarah Kursus/Penyelaras Program dan TD/TP PTJ; (b) Sekiranya status pengajian pelajar adalah 'Gagal dan Diberhentikan' (<i>Terminated GB</i>), gred baharu akan dibawa ke Mesyuarat JKSS untuk pertimbangan dan kelulusan; (c) Semakan gred perlu dilakukan dalam tempoh dua (2) minggu selepas keputusan diumumkan kepada pelajar; dan (d) Bagi pelajar program Secara Kerja Kursus yang berada pada semester akhir yang telah mendapat status 'Gagal dan Diberhentikan' (<i>Terminated GB</i>), pelajar boleh membuat permohonan untuk mengulang semester kepada Dekan SPS bagi pertimbangan Mesyuarat Jawatankuasa Semakan Siswazah (JKSS). (iii) PYB PTJ memajukan borang yang telah disemak kepada TD/TP PTJ untuk pengesahan; dan (iv) PYB PTJ mengembalikan borang yang telah disahkan oleh TD/TP PTJ berserta bukti pembayaran kepada PYB UA, SPS untuk tindakan berkaitan.
	16.2	Mengulang Semester Akhir (i) PYB PTJ memastikan pelajar mendaftar semula kursus yang perlu diulang oleh pelajar; (ii) PYB PTJ memastikan pelajar menghadiri kuliah/menyelesaikan tugas bagi kursus yang telah didaftarkan; (iii) PYB PTJ memastikan pelajar menduduki peperiksaan akhir bagi kursus yang telah didaftarkan (jika berkaitan);
	16.3	Semakan ke Atas Pemberhentian

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 90/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		(i) PYB PTJ menerima Borang <i>Review Against Termination</i> (PG/ACA/GS-13b) disokong oleh Penyelia/Penyelaras Program daripada pelajar melalui portal pelajar berserta bukti pembayaran berjumlah RM50.00; (ii) PYB PTJ membuat semakan terhadap borang PG/ACA/GS-13b yang dimajukan oleh pelajar; (a) Permohonan semakan ke atas pemberhentian perlu dilakukan dalam tempoh dua (2) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan kepada pelajar. (b) Permohonan semakan ke atas pemberhentian bagi kes melebihi tempoh penghantaran pembetulan tesis selepas peperiksaan, perlu dilakukan dalam tempoh sebulan selepas status pengajian pelajar bertukar kepada 'Gagal dan Diberhentikan' (<i>Terminated GB</i>). (iii) PYB PTJ memajukan borang yang telah disemak kepada TD/TP PTJ untuk pengesahan; (iv) PYB PTJ mengembalikan borang yang telah disahkan oleh TD/TP PTJ berserta bukti pembayaran kepada PYB UA, SPS untuk tindakan berkaitan; dan (v) TD/TP PTJ hadir ke sesi pembentangan kes rayuan semakan ke atas pemberhentian pelajar dalam Mesyuarat JKSS mengikut tarikh dan masa yang ditetapkan (jika berkaitan).
17.	Pengurusan Peperiksaan Akhir (Viva Voce)	
	17.1	Penghantaran Borang Notis Penyerahan Tesis (i) TD/TP/PYB PTJ menerima permohonan untuk mengakses Borang Notis Penyerahan Tesis (PG/TSS/GS-14a) daripada pelajar; (ii) TD/TP/PYB PTJ menyemak permohonan pelajar dan memastikan pelajar telah mendaftar dan lulus semua keperluan berikut:

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 91/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		(a) Kursus Kaedah Penyelidikan; (b) SPS5903/SPS6903; (c) Kursus tambahan yang ditetapkan oleh PTJ; (d) CE (PhD sahaja); dan (e) Kursus Bahasa Melayu (LPM2100), atau kursus yang setara bagi pelajar antarabangsa (kecuali Indonesia dan Brunei). (iii) TD/TP/PYB PTJ menghantar permohonan kepada SPS untuk memberi kebenaran untuk mengakses Borang Notis Penyerahan Tesis (PG/TSS/GS-14a).
17.2	Pelantikan Jawatankuasa Peperiksaan Tesis (i) TD/TP/PYB PTJ mendapatkan cadangan penamaan Ahli JKPPT daripada Penyelia lengkap dengan e-mel persetujuan pemeriksa dan CV pemeriksa luar; (ii) TD/TP/PYB PTJ melengkapkan maklumat cadangan penamaan Ahli JKPPT dalam i-GIMS dan memuat turun Borang Penamaan Jawatankuasa Peperiksaan Tesis (PG/TSS/GS-14b); (iii) TD/TP/PYB PTJ memajukan cadangan penamaan Ahli JKPPT ke UT SPS melalui Borang PG/TSS/GS-14b yang telah dilengkapkan beserta emel persetujuan JKKPT dan CV pemeriksa luar, dalam tempoh 60 hari selepas menerima borang PG/TSS/GS-14a daripada pelajar; dan (iv) TD/TP/PYB PTJ memastikan penamaan Ahli JKPPT bagi pelajar di bawah program ICP terdiri daripada sekurang-kurangnya satu (1) ahli daripada institusi kerjasama dan proses penyerahan tesis bergantung kepada perjanjian di antara UPM dengan institusi kerjasama (jika berkaitan).	
17.3	Penghantaran Tesis untuk Peperiksaan Akhir (<i>Viva Voce</i>) TD/TP/PYB PTJ memastikan pelajar untuk menghantar Borang Penyerahan Tesis (PG/TSS/GS-15a) atau Borang Penyerahan Semula Tesis untuk Peperiksaan (PG/TSS/GS-15b) kepada SPS beserta dokumen berikut:	

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 92/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan											
		(a) Salinan tesis dalam format pdf; (b) Laporan plagiat (<i>Turnitin Report</i>) ≤25% (kecuali bagi pelajar Sekolah Perniagaan dan Ekonomi <i>Turnitin Report</i> ≤20%) dalam format pdf; (c) Senarai pembetulan tesis (bagi penyerahan semula tesis GS-15b); dan (d) Borang Pengesahan Hasil Penulisan dan Penggunaan Teknologi Kecerdasan Buatan (PG/TSS/GS-60).										
17.4	Peperiksaan Akhir (<i>Viva Voce</i>) TD/TP/PYB PTJ memastikan keperluan berikut disediakan sekiranya peperiksaan viva voce dijalankan di PTJ (jika berkaitan). Nota: Keputusan <i>Viva Voce</i> dikategorikan sebagai berikut: <table><tr><th>Keputusan</th><th>Tindakan</th></tr><tr><td>Tesis diterima dengan kepujian (<i>Distinction</i>)</td><td>Pelajar diberi tempoh 15 hari untuk membuat pembetulan tesis.</td></tr><tr><td>Tesis diterima dengan pindaan (<i>Minor</i> atau <i>Major</i>)</td><td>Pelajar diberi tempoh maksimum tiga (3) bulan jika pindaan minor atau maksimum enam (6) bulan jika pindaan major untuk membuat pembetulan tesis.</td></tr><tr><td>Peperiksaan Semula Lisan (<i>Re-viva voce</i>)</td><td>Ahli JKPPT menjalankan peperiksaan semula dalam tempoh 60 hari selepas peperiksaan pertama.</td></tr><tr><td>Penyerahan Semula Tesis (<i>Re-submission</i>)</td><td>Pelajar diberi tempoh maksimum dua (2) semester atau satu (1) tahun untuk membuat pembetulan dan menyerahkan semula tesis untuk peperiksaan semula <i>viva voce</i>. Pelajar perlu melengkapkan Borang Penyerahan Semula Tesis untuk</td></tr></table>		Keputusan	Tindakan	Tesis diterima dengan kepujian (<i>Distinction</i>)	Pelajar diberi tempoh 15 hari untuk membuat pembetulan tesis.	Tesis diterima dengan pindaan (<i>Minor</i> atau <i>Major</i>)	Pelajar diberi tempoh maksimum tiga (3) bulan jika pindaan minor atau maksimum enam (6) bulan jika pindaan major untuk membuat pembetulan tesis.	Peperiksaan Semula Lisan (<i>Re-viva voce</i>)	Ahli JKPPT menjalankan peperiksaan semula dalam tempoh 60 hari selepas peperiksaan pertama.	Penyerahan Semula Tesis (<i>Re-submission</i>)	Pelajar diberi tempoh maksimum dua (2) semester atau satu (1) tahun untuk membuat pembetulan dan menyerahkan semula tesis untuk peperiksaan semula <i>viva voce</i> . Pelajar perlu melengkapkan Borang Penyerahan Semula Tesis untuk
Keputusan	Tindakan											
Tesis diterima dengan kepujian (<i>Distinction</i>)	Pelajar diberi tempoh 15 hari untuk membuat pembetulan tesis.											
Tesis diterima dengan pindaan (<i>Minor</i> atau <i>Major</i>)	Pelajar diberi tempoh maksimum tiga (3) bulan jika pindaan minor atau maksimum enam (6) bulan jika pindaan major untuk membuat pembetulan tesis.											
Peperiksaan Semula Lisan (<i>Re-viva voce</i>)	Ahli JKPPT menjalankan peperiksaan semula dalam tempoh 60 hari selepas peperiksaan pertama.											
Penyerahan Semula Tesis (<i>Re-submission</i>)	Pelajar diberi tempoh maksimum dua (2) semester atau satu (1) tahun untuk membuat pembetulan dan menyerahkan semula tesis untuk peperiksaan semula <i>viva voce</i> . Pelajar perlu melengkapkan Borang Penyerahan Semula Tesis untuk											

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 93/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan		
			Peperiksaan PG/TSS/GS-15b melalui portal pelajar. Penyerahan semula tesis PhD sebagai tesis Master Pelajar diberi tempoh 60 hari untuk membuat pembetulan tesis Nota: Keputusan ini tidak terpakai kepada pelajar PhD kemasukan terus (<i>fast-track</i>) Tesis ditolak Pelajar diberi status 'Gagal dan Diberhentikan' [<i>Terminated (GB)</i>]
17.5	Penghantaran Pembetulan Tesis Selepas Peperiksaan Akhir (<i>Viva Voce</i>) (i) TD/TP/PYB PTJ mendapatkan tandatangan daripada Pengerusi JKP dan ahli JKPPT bagi Borang Penyerahan Tesis Selepas Peperiksaan Akhir (<i>Viva voce</i>) (PG/TSS/GS-16a); (ii) TD/TP/PYB PTJ menyemak dan mendapatkan tandatangan daripada JKP dan bagi Borang <i>Information on Publication During Candidature</i> (PG/TSS/GS-25); (iii) TD/TP/PYB PTJ mengesahkan dan melengkapkan bahagian berkaitan pada borang PG/TSS/GS-16a dan PG/TSS/GS-25); (iv) TD/TP/PYB PTJ meminta pelajar menghantar borang PG/TSS/GS-16a dan PG/TSS/GS-25 yang telah lengkap beserta dokumen lain yang berkaitan ke UT SPS melalui e-mel sgs_thesis@upm.edu.my; dan (v) TD/TP/PYB PTJ memastikan pelajar menghantar pembetulan tesis mengikut tempoh berikut:		

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 94/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan															
		<table><tr><th>Keputusan</th><th>Tindakan</th></tr><tr><td>Tesis diterima dengan kepujian (<i>Distinction</i>)</td><td>Pelajar diberi tempoh 15 hari untuk membuat pembetulan tesis.</td></tr><tr><td>Tesis diterima dengan pindaan (<i>Minor</i> atau <i>Major</i>)</td><td>Pelajar diberi tempoh maksimum tiga (3) bulan jika pindaan minor atau maksimum enam (6) bulan jika pindaan major untuk membuat pembetulan</td></tr><tr><td>Peperiksaan Semula Lisan (<i>Re-viva voce</i>)</td><td>Ahli JKPPT menjalankan peperiksaan semula dalam tempoh 60 hari selepas peperiksaan pertama.</td></tr><tr><td>Penyerahan Semula Tesis (<i>Re-submission</i>)</td><td> Pelajar diberi tempoh maksimum dua (2) semester atau setu (1) tahun untuk membuat pembetulan dan menyerahkan semula tesis untuk peperiksaan viva. Pelajar perlu melengkapkan Borang Penyerahan Semula Tesis untuk Peperiksaan PG/TSS/GS-15b melalui portal pelajar. </td></tr><tr><td>Penyerahan semula tesis PhD sebagai tesis Master</td><td> Pelajar diberi tempoh 60 hari untuk membuat pembetulan Nota: Keputusan ini tidak terpakai kepada pelajar PhD kemasukan terus (<i>fast-track</i>). </td></tr><tr><td>Tesis ditolak</td><td>Pelajar diberi status 'Gagal dan Diberhentikan' (<i>Terminated GB</i>).</td></tr></table>	Keputusan	Tindakan	Tesis diterima dengan kepujian (<i>Distinction</i>)	Pelajar diberi tempoh 15 hari untuk membuat pembetulan tesis.	Tesis diterima dengan pindaan (<i>Minor</i> atau <i>Major</i>)	Pelajar diberi tempoh maksimum tiga (3) bulan jika pindaan minor atau maksimum enam (6) bulan jika pindaan major untuk membuat pembetulan	Peperiksaan Semula Lisan (<i>Re-viva voce</i>)	Ahli JKPPT menjalankan peperiksaan semula dalam tempoh 60 hari selepas peperiksaan pertama.	Penyerahan Semula Tesis (<i>Re-submission</i>)	Pelajar diberi tempoh maksimum dua (2) semester atau setu (1) tahun untuk membuat pembetulan dan menyerahkan semula tesis untuk peperiksaan viva. Pelajar perlu melengkapkan Borang Penyerahan Semula Tesis untuk Peperiksaan PG/TSS/GS-15b melalui portal pelajar.	Penyerahan semula tesis PhD sebagai tesis Master	Pelajar diberi tempoh 60 hari untuk membuat pembetulan Nota: Keputusan ini tidak terpakai kepada pelajar PhD kemasukan terus (<i>fast-track</i>).	Tesis ditolak	Pelajar diberi status 'Gagal dan Diberhentikan' (<i>Terminated GB</i>).
Keputusan	Tindakan															
Tesis diterima dengan kepujian (<i>Distinction</i>)	Pelajar diberi tempoh 15 hari untuk membuat pembetulan tesis.															
Tesis diterima dengan pindaan (<i>Minor</i> atau <i>Major</i>)	Pelajar diberi tempoh maksimum tiga (3) bulan jika pindaan minor atau maksimum enam (6) bulan jika pindaan major untuk membuat pembetulan															
Peperiksaan Semula Lisan (<i>Re-viva voce</i>)	Ahli JKPPT menjalankan peperiksaan semula dalam tempoh 60 hari selepas peperiksaan pertama.															
Penyerahan Semula Tesis (<i>Re-submission</i>)	Pelajar diberi tempoh maksimum dua (2) semester atau setu (1) tahun untuk membuat pembetulan dan menyerahkan semula tesis untuk peperiksaan viva. Pelajar perlu melengkapkan Borang Penyerahan Semula Tesis untuk Peperiksaan PG/TSS/GS-15b melalui portal pelajar.															
Penyerahan semula tesis PhD sebagai tesis Master	Pelajar diberi tempoh 60 hari untuk membuat pembetulan Nota: Keputusan ini tidak terpakai kepada pelajar PhD kemasukan terus (<i>fast-track</i>).															
Tesis ditolak	Pelajar diberi status 'Gagal dan Diberhentikan' (<i>Terminated GB</i>).															
17.6	Rekod Penilaian Prestasi Ahli JKPPT (i) PYB PTJ menyimpan rekod Penilaian Prestasi Ahli JKPPT sebagai rujukan untuk proses pelantikan seterusnya; dan															

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 95/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		(ii) TD/TP/PYB PTJ menentukan tindakan yang bersesuaian kepada Ahli JKPP yang lewat kemukakan laporan berdasarkan senarai yang diterima daripada SPS.
18.	Pengesahan dan Pengurniaan Ijazah Pelajar Pascasiswazah	
	18.1	Pelajar yang Layak Bergraduasi (1) Program Secara Kerja Kursus (i) PYB PTJ mengenal pasti pelajar yang layak bergraduasi telah melengkapkan borang <i>Study Scheme for Graduation</i> (PG/ACA/GS-05b) dalam i-GIMS dalam tempoh 14 hari selepas keputusan peperiksaan akhir diumumkan; (ii) TD/TP PTJ meluluskan borang PG/ACA/GS-05b yang telah disahkan oleh Penyelaras Program dalam i-GIMS; (iii) PYB PTJ menyimpan rekod salinan surat Senat yang diterima dari SPS dan memastikan rekod fail sentiasa dikemaskini. (2) Program Secara Penyelidikan (i) TD/TP PTJ mengesahkan Borang Penyerahan Tesis Selepas Peperiksaan Akhir (<i>Viva Voce</i>) (PG/TSS/GS-16a), dan Borang <i>Information on Publication During Candidature</i> (PG/TSS/GS-25) daripada pelajar; dan (ii) PYB PTJ menyimpan rekod salinan surat Senat yang diterima dari SPS dan memastikan rekod fail sentiasa dikemaskini.
19.	Pencalonan Hadiah Universiti Pascasiswazah	
	19.1	Pencalonan Hadiah Universiti (i) PYB PTJ membuat hebahan pencalonan hadiah universiti berdasarkan pemakluman yang dikeluarkan oleh SPS;

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/PS/GP002/PENTADBIR PTJ	Halaman: 96/96
		No. Semakan: 00 01
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		(ii) TD/TP/PYB PTJ menyemak dan mengesahkan maklumat hasil penerbitan pelajar serta menjalankan saringan mengikut kriteria yang ditetapkan bagi setiap kategori hadiah; (iii) Ketua PTJ mengesahkan permohonan pelajar yang telah disaring oleh TD/TP PTJ; dan (iv) PYB PTJ menghantar pencalonan yang telah disahkan oleh Ketua PTJ ke SPS mengikut tempoh yang ditetapkan.

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 1/84
		No. Semakan: 00 01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANCELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/S/GP003/PENSYARAH	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan menerangkan kepada pensyarah, penyelaras, penasihat, penyelia dan pemeriksa tentang tatacara pengajaran dan pembelajaran program pascasiswazah yang merangkumi Pendaftaran ID i-GIMS, Penawaran Bantuan Kewangan, Pendaftaran Kursus (Daftar Kursus, Tambah, Gugur dan Pertukaran Status Kursus), [Pertukaran ke Program Kolaborasi Antarabangsa dan Program Secara Industri](#), [Pengendalian Pengajian Kursus Mobiliti](#), Pengendalian Pengajaran Kursus Pascasiswazah, Pengendalian Kuliah dan Amali Gantian, Proses Pengajian Pelajar Pascasiswazah, Pelantikan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan, Penyediaan Kertas Soalan/Skema Jawapan Peperiksaan Akhir, Pemarkahan dan Penggredan Kursus Peperiksaan Akhir, Semakan Gred Kursus, Peperiksaan Semula dan Semakan Ke Atas Pemberhentian, Peperiksaan Komprehensif bagi Pelajar PhD dan Penilaian Tesis dan Peperiksaan Akhir (*viva voce*).

2.0 TERMINOLOGI DAN SINGKATAN

ACAS	: <i>Accumulated Course Assessment Summary</i>
Arbitrator	: Wakil yang dilantik oleh Dekan untuk tujuan berkenaan
BKW	: Biasiswa Khas Wartawan
BYSC	: Bantuan Yuran Siswazah Cemerlang
CAP	: <i>Course Assessment Plan</i>
CAS	: <i>Course Assessment Summary</i>
CE	: <i>Comprehensive Exam</i> (Peperiksaan Komprehensif)
CLO	: <i>Course Learning Outcome</i>
CV	: <i>Curriculum Vitae</i>
Dekan	: Dekan Fakulti/Sekolah/Institut/Pusat
GRA	: <i>Graduate Research Assistant</i>
GRF	: <i>Graduate Research Fellowship</i>
GTA	: <i>Graduate Teaching Assistant</i>
	<u>Sebagai Pengerusi:</u> (i) Pengerusi JKPPPT menyemak dan mengesahkan pembetulan yang dilaksanakan melalui Borang PG/TSS/GS-16a sebelum berakhir tempoh penyerahan pembetulan tesis oleh pelajar ke SPS. <u>Sebagai Pemeriksa:</u> (i) Pemeriksa tesis menyemak dan mengesahkan pembetulan yang dilaksanakan melalui Borang PG/TSS/GS-16a sebelum berakhir tempoh penyerahan pembetulan tesis oleh pelajar ke SPS. 12.7 Penghantaran Tesis Akhir Selepas Pengesahan Bergraduat oleh Senat (i) Penyelia/Ahli JKP menandatangani tesis akhir pelajar pada bahagian: (a) Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan (b) Pengesahan Status untuk Tesis/Laporan Projek dan Hakcipta (ii) Penyelia/Ahli JKP memastikan pelajar menghantar tesis akhir ke SPS bersama dokumen berikut: (a) Borang Penyerahan Tesis Muktamad (PG/TSS/GS-16b). (b) Satu salinan tesis (dalam bentuk CD) untuk SPS. (c) Salinan tesis untuk Fakulti/Sekolah/Institut dan ahli Jawatankuasa Penyeliaan (mengikut keperluan).

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 29/84
		No. Semakan: 00 01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANCELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/S/GP003/PENSYARAH	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan							
1.	Penawaran Program Akademik Baharu/Semakan Kurikulum Program Akademik/Penawaran Bidang Pengajian Baharu/Semakan Semula Bidang Pengajian/Penawaran Kursus Baharu/Semakan Semula Kursus							
1.1	Pendaftaran/ Pengemaskinian Bidang Pengajian bagi Program Secara Penyelidikan oleh Pensyarah (i) Pensyarah mengambil maklum: (a) Pensyarah boleh mendaftar maksimum lima (5) bidang pengajian sahaja. Maklumat bidang pengajian boleh dirujuk di laman web SPS melalui pautan https://sgs.upm.edu.my/programme_of_study/programme_by_research_phd_master-4568 (b) Terdapat dua (2) kategori bidang pengajian iaitu; bidang pengajian 'Unik' dan bidang pengajian 'Biasa', di mana senarai bidang pengajian bagi kategori 'Unik' dan 'Biasa' boleh dirujuk dalam Minit Mesyuarat JKPSU ke-477 (27 Mac 2025); (ii) Pensyarah melaksanakan proses berikut bagi permohonan pendaftaran bidang pengajian baharu atau pengemaskinian bidang pengajian dalam i-GIMS: <table border="1" data-bbox="419 1713 1455 2013"> <thead> <tr> <th>Bil.</th><th>Bidang Pengajian di PTJ sendiri</th><th>Bidang Pengajian di PTJ lain</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td><td>Permohonan-dihantar kepada Ketua PTJ untuk pertimbangan dan kelulusan.</td><td>Permohonan dibuat melalui Ketua PTJ masing-masing dan dihantar kepada Ketua PTJ peneraju bidang pengajian untuk pertimbangan dan kelulusan.</td></tr> </tbody> </table>		Bil.	Bidang Pengajian di PTJ sendiri	Bidang Pengajian di PTJ lain	1	Permohonan-dihantar kepada Ketua PTJ untuk pertimbangan dan kelulusan.	Permohonan dibuat melalui Ketua PTJ masing-masing dan dihantar kepada Ketua PTJ peneraju bidang pengajian untuk pertimbangan dan kelulusan.
Bil.	Bidang Pengajian di PTJ sendiri	Bidang Pengajian di PTJ lain						
1	Permohonan-dihantar kepada Ketua PTJ untuk pertimbangan dan kelulusan.	Permohonan dibuat melalui Ketua PTJ masing-masing dan dihantar kepada Ketua PTJ peneraju bidang pengajian untuk pertimbangan dan kelulusan.						

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 30/84
		No. Semakan: 00 01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/S/GP003/PENSYARAH	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		2 Pejabat TD PTJ melakukan proses saringan berdasarkan: - CV pemohon; atau/dan - Rekod penerbitan pemohon; atau/dan - Pengalaman menyelia pelajar dalam bidang pengajian tersebut; atau/dan - Lain-lain maklumat mengikut keperluan.
		Pejabat TD PTJ peneraju bidang pengajian melakukan proses saringan berdasarkan: - CV pemohon; atau/dan - Rekod penerbitan pemohon; atau/dan - Pengalaman menyelia pelajar dalam bidang pengajian tersebut; atau/dan - Lain-lain maklumat mengikut keperluan.
		3 PTJ maklumkan keputusan saringan kepada SPS untuk dibawa ke JKPSU sebagai pertimbangan dan kelulusan.
		PTJ peneraju maklumkan keputusan saringan kepada PTJ pemohon. Seterusnya PTJ pemohon maklumkan keputusan kepada SPS untuk dibawa ke JKPSU sebagai pertimbangan dan kelulusan.
		4 Sekiranya diluluskan oleh JKPSU, SPS akan mendaftar/mengemaskini bidang pengajian tersebut dalam i-GIMS.
		Sekiranya diluluskan oleh JKPSU, SPS akan mendaftar/mengemaskini bidang pengajian tersebut dalam i-GIMS.
		(iii) Pensyarah menerima pemakluman keputusan kelulusan JKPSU daripada SPS melalui Pejabat TD/TP PTJ; dan (iv) Sekiranya diluluskan JKPSU, Pensyarah membuat semakan pendaftaran/pengemaskinian bidang pengajian yang telah didaftarkan dalam i-GIMS.

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 31/84
		No. Semakan: 00 01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANCELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/S/GP003/PENSYARAH	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
2.	Pengurusan Bantuan Kewangan Pascasiswazah	
2.1	Bantuan Kewangan GTA, PASS, IGSS, BKW dan BYSC Penasihat/Penyelia mengesahkan (sokong/tidak sokong) permohonan bantuan kewangan yang diterima daripada pelajar melalui i-GIMS mengikut tempoh yang ditetapkan oleh SPS; Nota: Tawaran bantuan kewangan ini akan dibuka sekurang-kurangnya dua (2) bulan sebelum semester baharu bermula.	
2.2	Bantuan Kewangan GRA Penasihat/Penyelia melengkapkan maklumat geran dan mengesahkan permohonan bantuan kewangan yang diterima daripada pelajar secara melalui-GIMS sebelum 15hb pada setiap bulan.	
2.3	Agihan Pengajaran bagi Penerima GTA Penasihat/Penyelia memantau aktiviti pengajaran oleh penerima GTA dengan had maksimum (4) jam seminggu bagi pelajar Master dan enam (6) jam seminggu bagi pelajar PhD mengikut kursus yang ditetapkan oleh Ketua PTJ/TD/TP PTJ.	
2.4	Bantuan Kewangan bagi Aktiviti Sangkutan Penyelidikan atau Pembentangan Antarabangsa (i) Penasihat/Penyelia menyemak kelayakan pelajar berdasarkan syarat kelayakan bantuan kewangan yang dipaparkan di laman web SPS: https://sgs.upm.edu.my/financial_assistance_scholarships-1893 (ii) Penasihat/Penyelia menyemak status penganjur program bagi permohonan	

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 32/84
		No. Semakan: 00 01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/S/GP003/PENSYARAH	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		menghadiri Pembentangan Antarabangsa; dan (iii) Penasihat/Penyelia mengesahkan (sokong/tidak sokong) permohonan yang diterima daripada pelajar melalui Borang Permohonan Bantuan Kewangan Bagi Menjalani Sangkutan Penyelidikan di Luar Negara (PG/FAD/GS-42) atau Permohonan Bantuan Kewangan Bagi Menghadiri Pembentangan Antarabangsa (PG/FAD/GS-48). Nota: Permohonan bantuan kewangan bagi menghadiri Sangkutan Penyelidikan dan Pembentangan Antarabangsa dibuka sepanjang tahun.
2.5	Bayaran Bantuan Kewangan	Penasihat/Penyelia menyemak dan mengesahkan log aktiviti pelajar bagi GTA/GRA melalui i-GIMS selewat-lewatnya pada 2 haribulan setiap bulan untuk tujuan pembayaran elaun bulanan. Nota: Bayaran elaun tidak akan dilaksanakan bagi pelajar yang berstatus Percubaan (<i>Probation</i>), Tangguh (<i>Defer</i>), Tarik Diri (<i>Withdraw</i>), Gagal dan Diberhentikan (<i>Terminated</i>);
2.6	Penahanan/Penamatan Bantuan Kewangan	Penahanan Bayaran Elaun GRA Disebabkan Baki Peruntukan Geran Tidak Mencukupi (i) Penasihat/Penyelia mengenalpasti ketersediaan geran lain yang boleh digunakan bagi tujuan pembayaran elaun GRA kepada pelajar; dan

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH		Halaman: 33/84
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANCELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)		No. Semakan: 00 01
	Kod Dokumen: PU/S/GP003/PENSYARAH		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENSYARAH		Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		(ii) Penasihat/Penyelia melengkapkan maklumat geran dan mengesahkan permohonan baharu yang dikemukakan oleh pelajar melalui i-GIMS.
	2.7	Pecah Kontrak dan Tuntutan Gantirugi GRF/GRA Penasihat/Penasihat merujuk Garis Panduan Tindakan Pecah Kontrak dan Tuntutan Gantirugi Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) dan Fellowship Penyelidik Siswazah (GRF) (GP/FAD/S-01), sekiranya berkaitan. Nota: (a) Tindakan pecah kontrak ini hanya terpakai kepada pelajar yang terikat dengan perjanjian yang ditandatangani dengan UPM di bawah skim GRF/GRA terdahulu. (b) Garis Panduan berkaitan boleh diakses di laman web SPS.
3.	Pendaftaran Kemasukan Pelajar Baharu dan Sambungan	
	3.1	Pendaftaran Kemasukan Pelajar Baharu Penasihat/Penyelia memberi penasihat dan panduan yang berkaitan kepada pelajar baharu
4.	Pendaftaran Kursus	
	4.1	Pendaftaran Kursus Pelajar Baharu (i) Penasihat/Penyelia berbincang dengan pelajar baharu berkaitan perancangan pengajian dan keperluan program termasuk pendaftaran

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 34/84
		No. Semakan: 00 01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/S/GP003/PENSYARAH	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan
	kursus dengan merujuk kepada <i>Postgraduate Candidature Checklist</i> yang boleh didapati di laman web SPS; (Pautan: https://sgs.upm.edu.my/current_students-2973); (ii) Penasihat/Penyelia membuat pengesahan pendaftaran kursus melalui i-GIMS dengan mengambil kira perkara berikut; (a) Pelajar boleh mendaftar kursus dengan minimum enam (6) jam kredit dan maksimum 20 jam kredit setiap semester. Pelajar yang ingin mendaftar kursus lebih atau kurang daripada had kredit yang ditetapkan, hendaklah melengkapkan Borang <i>Application to Add/Drop Course</i> (PG/ACA/GS-06) secara manual yang boleh dimuat turun melalui Portal Pelajar; (b) Pelajar baharu Program Secara Penyelidikan dibenarkan mendaftar SPS5903/ SPS6903/ SPS5999/ SPS6999 sehingga minggu ke-13 manakala selain kursus tersebut, pelajar dibenarkan mendaftar sehingga minggu ke-2 atau tempoh lain berdasarkan sokongan daripada PTJ dan kelulusan SPS. (c) Pelajar yang berstatus 'Bersyarat' (<i>Provisional</i>) disebabkan belum melengkapkan keperluan kursus prasyarat tidak dibenarkan mendaftar kursus teras program sehingga kursus prasyarat tersebut dilengkapkan. Namun, kursus prasyarat boleh diambil bersama dengan: • Kursus elektif yang bukan pengkhususan / berkait dengan kursus teras atau prasyarat; • SPS 5999/6999 (Master / Doctoral Research) (hanya untuk program secara penyelidikan); • Kursus bahasa (PIE 2 / LPM 2100); dan • Kursus Kaedah Penyelidikan (Research Methodology).

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 35/84
		No. Semakan: 00 01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/S/GP003/PENSYARAH	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		(d) Bagi pelajar program NG (di bawah kategori sangkutan penyelidikan), pendaftaran kursus SPS5999/SPS6999 dengan minimum enam (6) jam kredit akan dilaksanakan oleh PYB UA melalui pemakluman daripada PYB UPIBK. (e) Bagi pelajar program NG (di bawah kategori pertukaran semester), pelajar perlu mendaftar kursus sebagaimana yang ditetapkan oleh PTJ.
	4.2	Pendaftaran Kursus Pelajar Sambungan (i) Penasihat/Penyelia membuat pengesahan pendaftaran kursus oleh pelajar melalui i-GIMS dengan mengambil kira perkara berikut: (a) Pelajar perlu merujuk kepada tarikh-tarikh penting berkaitan proses akademik dalam kalendar akademik yang boleh dicapai melalui laman web SPS bagi urusan pendaftaran kursus. (b) Pendaftaran kursus bagi pelajar sambungan dibuka bermula dalam tempoh tiga (3) minggu sebelum semester bermula. (c) Pelajar boleh mendaftar kursus dengan minimum enam (6) jam kredit dan maksimum 20 jam kredit setiap semester. Pelajar yang ingin mendaftar kursus lebih atau kurang daripada had kredit yang ditetapkan, hendaklah melengkapkan <i>Borang Application to Add/Drop Course</i> (PG/ACA/GS-06) secara manual yang boleh dimuat turun melalui Portal Pelajar; (d) Pelajar sambungan dibenarkan mendaftar SPS5903/ SPS6903/ SPS5999/ SPS6999 sehingga minggu ke-7 manakala selain kursus tersebut, pelajar hanya dibenarkan mendaftar sehingga minggu ke-2

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 36/84
		No. Semakan: 00 01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/S/GP003/PENSYARAH	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		atau tempoh lain berdasarkan sokongan daripada PTJ dan kelulusan SPS. (e) Pelajar perlu membuat pembayaran yuran pengajian selewat-lewatnya pada minggu ketujuh (7) pengajian. Kegagalan melaksanakan pembayaran ini menyebabkan status pelajar bertukar kepada 'Gugur' (<i>Dropped</i>). Pelajar yang berstatus 'Gugur' (<i>Dropped</i>) tidak dibenarkan membuat pendaftaran kursus, menghadiri kuliah dan menduduki peperiksaan. (f) Pelajar yang berstatus 'Bersyarat' (<i>Provisional</i>) disebabkan belum melengkapkan keperluan kursus prasyarat tidak dibenarkan mendaftar kursus teras dan kursus elektif yang berkait dengan kursus teras sehingga kursus prasyarat tersebut dilengkapkan. Namun, kursus prasyarat boleh diambil bersama dengan: • Kursus elektif yang bukan pengkhususan / berkait dengan kursus teras atau prasyarat; • SPS 5999/6999 (Master / Doctoral Research) (hanya untuk program secara penyelidikan); • Kursus bahasa (PIE 2 / LPM 2100); dan • Kursus Kaedah Penyelidikan (Research Methodology). (g) Pelajar program secara penyelidikan perlu mendaftar kursus prasyarat bersama kursus lain seperti dinyatakan dalam 4.2 (i) (f) dengan jumlah minimum 6 jam kredit. Manakala, pelajar program Master Secara Kerja Kursus (MSKK) dibenarkan mendaftar kursus prasyarat bersama kursus lain seperti dinyatakan dalam 4.2 (i) (f) dengan jumlah kurang daripada 6 jam kredit.
	4.3	Tambah Kursus (Termasuk Lewat Daftar)

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 37/84
		No. Semakan: 00 -01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/S/GP003/PENSYARAH	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		(i) Pensyarah kursus/Penyelaras Program menyemak permohonan tambah kursus melalui Borang Permohonan Application to Add/Drop Course (PG/ACA/GS-06) daripada pelajar. Penalti RM100.00 akan dikenakan kepada pelajar sambungan yang kursus mendaftar bermula pada minggu pertama selepas semester bermula; dan (ii) Pensyarah kursus/Penyelaras Program menyokong permohonan pelajar melalui borang sebelum dimajukan kepada TD/TP PTJ untuk pengesahan.
	4.4	Gugur Kursus (i) Pensyarah kursus/Penyelaras Program menyemak permohonan tambah kursus melalui Borang Application to Add/Drop Course (PG/ACA/GS-06) daripada pelajar. Permohonan gugur kursus dibenarkan sehingga minggu ke-7 selepas semester bermula sahaja. Permohonan selepas tempoh tersebut tidak akan dipertimbangkan; dan (ii) Pensyarah kursus/Penyelaras Program menyokong permohonan pelajar melalui borang sebelum dimajukan kepada TD/TP PTJ untuk pengesahan.
	4.5	Pertukaran Status Kursus (i) Penasihat/ Penyelia/ Penyelaras Program menyemak permohonan pertukaran status kursus melalui Borang <i>Application for Amendment of Course Status</i> (PG/ACA/GS-50). Permohonan pertukaran status kursus dibenarkan sehingga minggu ke-7 selepas semester bermula tertakluk kepada perkara berikut: (a) Pertukaran daripada Wajib (YW)/Elektif (ELF) kepada Audit (AU): kursus akan dinilai dengan sama ada gred 'Memuaskan' (M) atau 'Tidak Memuaskan' (TM) dan kursus tidak akan diambil kira dalam penentuan

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 38/84
		No. Semakan: 00 01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/S/GP003/PENSYARAH	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		pengiraan PNGK; dan (b) Pertukaran daripada Audit (AU) kepada Wajib (YW)/Elektif (ELF): pelajar akan dinilai dengan gred (A – F) dan kursus akan diambil kira dalam penentuan pengiraan PNGK. (ii) Penasihat/ Penyelia/ Penyelaras Program menyokong permohonan pelajar melalui borang sebelum dimajukan kepada TD/TP PTJ untuk pengesahan.
	4.6	Penawaran Kursus bagi Bilangan Pelajar yang Kurang daripada Lima (5) Orang Pelajar Pensyarah mengambil tindakan sebagaimana maklum balas keputusan Naib Canselor daripada PYB PTJ sekiranya bilangan pelajar kurang daripada lima (5) orang.
5.	Pemindahan Kredit dan Pengecualian Kursus	
	5.1	Pemindahan Kredit (i) Pensyarah mengadakan perbincangan dengan pelajar mengenai peluang pemindahan kredit (jika berkaitan) dengan mengambil maklum perkara berikut: (a) Pindah Kredit Secara Horizontal: Pelajar yang telah mendaftar kursus di UPM atau di institusi pengajian lain yang diiktiraf oleh UPM bagi peringkat pengajian yang sama; (b) Pindah Kredit Secara Vertikal: Pindah kredit secara vertikal dari peringkat Master ke PhD adalah tidak dibenarkan, kecuali bagi pelajar di bawah Program Integrasi, di mana pelajar tahun akhir program

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 39/84
		No. Semakan: 00 -01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/S/GP003/PENSYARAH	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		Bachelor mendaftar kursus teras peringkat Master sebagai kursus elektif bebas dengan kebenaran Ketua PTJ; (ii) Pensyarah menerima Borang <i>Application for Credit Transfer</i> (PG/ACA/GS-04a), berserta salinan transkrip dan/atau silibus kursus (sekiranya kursus tersebut diambil dari institusi lain) daripada PYB PTJ; (iii) Pensyarah menyemak peratusan kesetaraan kursus dengan mengambil kira syarat berikut: (a) Gred bagi kredit yang dipindahkan tidak akan diambil kira dalam pengiraan PNGK. Walau bagaimanapun, jumlah kredit tersebut akan diambil kira bagi memenuhi keperluan kredit untuk bergraduasi. (b) Jumlah maksimum kredit yang boleh dipindahkan adalah seperti berikut: - Tidak melebihi 50% daripada jumlah kredit program bagi Program Secara Kerja Kursus. - Sehingga 100% daripada jumlah kredit program bagi Program Secara Penyelidikan. - Pindah kredit di bawah program integrasi adalah 30%. (semak) (c) Syarat kelayakan pemindahan kredit adalah seperti berikut: - Pelajar mestilah memperoleh sekurang-kurangnya gred 'B' atau setaraf bagi kursus yang ingin dipindahkan. - Kursus tersebut hendaklah diambil dalam tempoh tidak melebihi lima (5) tahun dari tarikh pelajar bergraduasi.

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 40/84
		No. Semakan: 00 01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANCELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/S/GP003/PENSYARAH	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		- Pelajar mestilah mempunyai status 'Baik' daripada institusi atau program pengajian terdahulu. - Pemindahan kredit tidak dibenarkan bagi kursus daripada program pengajian yang telah gagal, termasuk bagi pelajar yang telah menarik diri daripada pengajian tersebut. (d) Permohonan pemindahan kredit hendaklah dibuat pada semester pertama pengajian melalui portal pelajar secara dalam talian. (e) Kandungan kursus yang dipohon untuk pemindahan kredit perlu disahkan kesetaraannya oleh pihak PTJ, dengan sekurang-kurangnya 80% persamaan kandungan. (iv) Pensyarah memajukan borang yang telah disemak kepada PYB PTJ.
	5.2 Pengecualian Kursus	(i) Pensyarah mengadakan perbincangan dengan pelajar mengenai peluang pengecualian kursus (jika berkaitan); (ii) Pensyarah menerima Borang <i>Course Exemption</i> (PG/ACA/GS-04b), berserta salinan transkrip dan/atau silibus kursus (sekiranya kursus tersebut diambil dari institusi lain) daripada PYB PTJ; (iii) Pensyarah menyemak peratusan kesetaraan kursus dengan mengambil kira syarat berikut: (a) Gred bagi kursus yang dikecualikan TIDAK akan diambil kira dalam pengiraan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK), dan jumlah kreditnya juga TIDAK akan dikira bagi memenuhi keperluan kredit untuk bergraduasi.

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 41/84
		No. Semakan: 00 01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANCELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/S/GP003/PENSYARAH	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		(b) Pelajar yang telah mengikuti kursus Kaedah Penyelidikan semasa pengajian di peringkat Master boleh memohon pengecualian kursus, tertakluk kepada syarat-syarat berikut: • Nilai kredit kursus Kaedah Penyelidikan program Master adalah sama atau lebih daripada nilai kredit kursus Kaedah Penyelidikan program PhD. • Kerelevanan dan kekinian ilmu dan kemahiran Kaedah Penyelidikan peringkat Master berdasarkan kepada keperluan pengajian pada peringkat PhD. • Pelajar antarabangsa yang telah mendaftar kursus Bahasa Melayu (LPM2100 atau setaraf) boleh memohon pengecualian kursus tersebut. (c) Kursus yang diluluskan untuk pengecualian perlu diganti dengan kursus lain dengan jumlah kredit yang sama kecuali bagi kursus Bahasa Melayu (LPM2100 atau setara); (d) Pelajar mestilah memperoleh sekurang-kurangnya gred 'B' atau setaraf bagi kursus yang ingin dikecualikan. (e) Kursus tersebut hendaklah diambil dalam tempoh tidak melebihi lima (5) tahun dari tarikh pelajar bergraduat. (f) Permohonan pengecualian kursus hendaklah dibuat dalam semester pertama pengajian secara dalam talian. (g) Pelajar mestilah mempunyai status 'Baik' daripada institusi atau program pengajian terdahulu. (h) Pengecualian kursus tidak dibenarkan bagi kursus daripada program pengajian yang telah gagal, termasuk bagi pelajar yang telah menarik

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 42/84
		No. Semakan: 00 01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/S/GP003/PENSYARAH	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		diri daripada pengajian tersebut. (i) Kandungan kursus yang dipohon untuk pengecualian kursus perlu disahkan kesetaraannya oleh pihak PTJ, dengan sekurang-kurangnya 80% persamaan kandungan (iv) Pensyarah memajukan borang yang telah disemak kepada PYB PTJ
6.	Pengendalian Pengajaran Kursus	
	6.1	Pengendalian Pengajaran Kursus Berstruktur (i) Pensyarah menyediakan rancangan pengajaran dengan merujuk kepada rangka kursus terkini yang disahkan dan mengisi Borang Rangka Kursus dan Rancangan Pengajaran (PU/S/BR07/GS-PRG01) dengan mengambil kira perkara berikut: (a) Borang PU/S/BR07/GS-PRG01 tidak perlu dilengkapi bagi kursus yang tidak berstruktur seperti Seminar, Penyelidikan Master/Doktor Falsafah, Topik Khas dan Projek (bagi program Master Secara Kerja Kursus); (b) Pensyarah perlu membuat pemetaan CLO dan PLO bagi kursus serta Perancangan PdP dan penilaian untuk 14 minggu (maklumat topik, CO, Jam Pembelajaran Pelajar dan Pentaksiran) dengan merujuk kepada templat Rancangan Pengajaran yang terkini sebelum disahkan oleh Penyelaras Program/Ketua Jabatan; (c) Pensyarah perlu membuat penjajaran konstruktif kursus mengikut CLO dan PLO program serta maklumat pembahagian peratus

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 43/84
		No. Semakan: 00 01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/S/GP003/PENSYARAH	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		penilaian dengan merujuk kepada templat CAP yang terkini sebelum disahkan oleh Penyelaras Program/Ketua Jabatan. (ii) Pensyarah memajukan Borang PU/S/BR07/GS-PRG01 kepada Penyelaras Program/Ketua Jabatan (jika perlu) untuk mendapatkan pengesahan TD/TP PTJ selewat-lewatnya dalam tempoh dua (2) minggu sebelum semester bermula; (iii) Pensyarah merancang kuliah yang akan dijalankan berdasarkan rancangan pengajaran yang telah diluluskan oleh PTJ; (iv) Pensyarah memuatnaik sinopsis serta kandungan kursus dalam Putra Blast sebelum semester bermula; (v) Pensyarah mengendalikan kuliah mengikut jadual waktu dan kandungan kursus seperti yang telah ditetapkan; (vi) Pensyarah menerima maklum balas keputusan Naib Canselor daripada PYB PTJ sekiranya bilangan pelajar kurang daripada lima (5) orang (jika berkaitan); (vii) Pensyarah merekodkan kehadiran pelajar ke dalam borang Kehadiran Kuliah/Amali (PU/S/BR07/GS-PRG04) melalui i-GIMS. Pensyarah perlu membuat catatan dalam rekod kehadiran sekiranya berlaku kuliah ganti. Pelajar berstatus 'Gugur' (<i>Dropped</i>) tidak boleh mengikuti kuliah dan menduduki peperiksaan.; (viii) Pensyarah menjalankan kuliah dan penilaian kursus mengikut jadual; (ix) Pensyarah menerima pemakluman daripada PYB PTJ mengenai tarikh-tarikh penting berkaitan peperiksaan akhir;

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 44/84
		No. Semakan: 00 -01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/S/GP003/PENSYARAH	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
	(x)	Pensyarah menjalankan peperiksaan akhir mengikut tarikh yang ditetapkan dalam kalendar akademik siswazah yang boleh dirujuk dalam laman web SPS (jika berkaitan);
	(xi)	Pensyarah memasukkan keputusan penilaian kursus dalam i-GIMS (rujuk kepada Proses Kemasukan Markah dalam i-GIMS - rujuk Perkara 10.3);
	(xii)	Pensyarah mencetak dan mengesahkan senarai pelajar serta gred yang telah dimasukkan melalui i-GIMS untuk dimajukan kepada TD/TP PTJ;
	(xiii)	Pensyarah memasukkan pencapaian CLO dan PLO dengan merujuk kepada templat CAM yang terkini sebelum disahkan oleh Penyelaras Program/Ketua Jabatan;
	(xiv)	Pensyarah membuat penilaian kaedah PdP serta penilaian untuk penambahbaikan berterusan dengan merujuk kepada templat CAS yang terkini sebelum disahkan oleh Penyelaras Program/Ketua Jabatan;
	(xv)	Penyelaras Program/Ketua Jabatan membuat analisis pencapaian PLO setiap kohort bagi setiap semester dengan merujuk kepada templat POSE yang terkini sebelum disahkan oleh Ketua PTJ;
	(xvi)	Penyelaras Program/Ketua Jabatan membuat rumusan terhadap pencapaian PLO dan cadangan penambahbaikan berdasarkan CAS untuk kursus yang ditawarkan pada setiap semester bagi setiap kohort dengan merujuk kepada templat ACAS yang terkini sebelum disahkan oleh Ketua PTJ;
	(xvii)	Penyelaras Program/Ketua Jabatan perlu melengkapkan pelaporan pencapaian PLO melalui Laporan POSE terkini serta cadangan penambahbaikan kualiti berterusan (CQI) melalui Laporan CQI sebelum disemak dan disahkan oleh Ketua PTJ untuk dikemukakan kepada SPS

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 45/84
		No. Semakan: 00 01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/S/GP003/PENSYARAH	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		melalui Pejabat TD/TP PTJ dan seterusnya disahkan oleh JKPSU. (xviii) Pensyarah melengkapkan maklumat dalam Fail Kursus (Nama Kursus) (UPM.Kod PTJ.600-4/30/1) sama ada dalam bentuk fizikal atau digital selewat-lewatnya pada minggu ke-2 semester semasa; dan (xix) Pensyarah mengemaskini rekod dalam fail kursus dari semasa ke semasa mengikut senarai rekod kualiti seperti berikut: (a) Jadual Waktu (rujuk i-GIMS; (b) Borang Rangka Kursus dan Rancangan Pengajaran (PU/S/BR07/GS PRG01) (c) Minit Mesyuarat berkenaan pengagihan tugas pengajaran/Surat Pelantikan Pengajar (d) Senarai Pelajar (e) Borang Kuliah Ganti (PU/S/BR07/GS-PRG03) (jika ada (f) Borang Kehadiran Kuliah/Amali (BR07/GS/PRG04 (g) Laporan Penilaian Pengajaran (rujuk PutraBLAST (h) Nota Kuliah/e-kuliah (jika ada)
6.2	Pengendalian Pengajaran Kursus Tidak Berstruktur (1) SPS6999/SPS5999	
		(i) Penyelia memastikan pelajar yang mengikuti Program Secara Penyelidikan mendaftar SPS6999/SPS5999 dalam i-GIMS dengan mengambil perhatian perkara berikut: (a) Pelajar wajib mendaftar SPS5999/SPS6999 pada setiap semester kecuali bagi pelajar yang telah menghantar tesis untuk peperiksaan (status pengajian 'Thesis Submitted'); (b) Pelajar yang mendapat keputusan tesis 'Resubmission' wajib mendaftar kursus ini sehingga tesis diserahkan semula untuk

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 46/84
		No. Semakan: 00 01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/S/GP003/PENSYARAH	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		peperiksaan (maksimum 2 semester); (c) Penyelia perlu mengadakan perbincangan dengan pelajar sekurang-kurangnya sekali pada setiap semester (mengikut kaedah yang bersesuaian); (d) Penentuan bilangan kredit 3/6/9/12 bagi SPS5999/SPS6999 adalah bergantung kepada Ahli JKP pelajar berdasarkan kepada beban kerja penyelidikan pelajar setiap semester; (e) Jumlah minimum kredit yang perlu didaftar adalah sebanyak enam (6) kredit dan jumlah maksimum kredit adalah 20 kredit pada setiap semester. Sekiranya pendaftaran kredit kurang atau melebihi jumlah yang dibenarkan, pelajar perlu mendapatkan kelulusan daripada SPS; dan (f) Bagi pelajar NG yang mengikuti sangkutan penyelidikan, PYB PTJ perlu cakna bahawa pelajar perlu mendaftar kursus SPS5999/SPS6999 minimum enam (6) jam kredit dan Penasihat/Penyelia perlu melaksanakan penilaian prestasi melalui borang PG/ACA/GS-11 yang telah dilengkapkan oleh pelajar dalam i-GIMS. (ii) Penyelia memastikan pelajar mengisi Borang <i>Progress Report</i> (PG/ACA/GS-11) dalam portal pelajar selewat-lewatnya pada hari terakhir minggu peperiksaan akhir; (iii) Penyelia menerima pemakluman daripada PYB PTJ mengenai tarikh-tarikh penting berkaitan peperiksaan akhir termasuk tarikh akhir penghantaran dan pengesahan Borang <i>Progress Report</i> (PG/ACA/GS-11); dan (iv) Penyelia membuat penilaian melalui Borang PG/ACA/GS-11 dengan

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 47/84
		No. Semakan: 00 01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/S/GP003/PENSYARAH	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		memberikan gred sama ada 'M' atau 'TM' atau 'TL' sebelum tarikh akhir yang ditetapkan dalam kalendar akademik. Gred TL akan bertukar kepada TM sekiranya gred M/TM tidak dimasukkan dalam tempoh dua (2) minggu selepas semester bermula. Fail kursus tidak perlu diwujudkan. (2) SPS5903/SPS6903 (i) Pensyarah menerima pemakluman daripada PYB PTJ mengenai tarikh-tarikh penting berkaitan peperiksaan akhir; (ii) Pensyarah (yang dilantik sebagai panel penilai) membuat penilaian berdasarkan pembentangan oleh pelajar; dan (iii) Pensyarah (yang dilantik sebagai panel penilai) memajukan markah penilaian kepada PYB PTJ. (3) Disertasi atau Projek (i) Pensyarah memantau pendaftaran kursus oleh pelajar dengan mengambil perhatian perkara berikut; (a) Pelajar perlu mendaftar kursus ini dalam i-GIMS untuk tempoh dua (2) semester berturut-turut; (b) Pelajar akan diberikan gred 'Sambung' (S) pada semester pertama pelajar mendaftar kursus ini; dan (c) Pelajar akan menerima gred pada semester kedua pelajar mendaftar kursus ini. (ii) Pensyarah memastikan pelajar menjalankan tugas dan mengadakan

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 48/84
		No. Semakan: 00 01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/S/GP003/PENSYARAH	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		sesi perbincangan/perjumpaan dengan Penasihat sekurang-kurangnya sekali dalam satu semester; (iii) Pensyarah memaklumkan kepada pelajar tarikh akhir menghantar tugas bagi sesi penilaian; (iv) Pensyarah memasukkan markah/gred pelajar yang telah diberi oleh Pemeriksa dalam i-GIMS sebelum tarikh akhir yang ditetapkan dalam kalendar akademik; (v) Pensyarah dengan bantuan PYB PTJ menyediakan fail kursus; dan (vi) Pensyarah merekod dan mengemaskini maklumat berdasarkan Senarai Semak dalam fail kursus (UPM.Kod PTJ.600-4/30/1)
	6.3	Pengendalian Kuliah Ganti (i) Pensyarah merancang tarikh, masa dan tempat untuk menjalankan kuliah/amali gantian dan melengkapkan Borang Kuliah Ganti (PU/S/BR07/GS-PRG03); (ii) Pensyarah memaklumkan tarikh baharu kuliah gantian; (iii) Pensyarah membuat tempahan dewan kuliah/makmal untuk menjalankan kuliah/ amali gantian; (iv) Pensyarah melaksanakan kuliah/amali gantian pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan; dan (v) Pensyarah merekodkan kehadiran pelajar dalam i-GIMS atau Borang Kehadiran Kuliah/Amali (PU/S/BR07/GS-PRG04).

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 49/84
		No. Semakan: 00 01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/S/GP003/PENSYARAH	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
7.	Proses Pengajian Pelajar Pascasiswazah (<i>Candidature</i>)	
	7.1	Pertukaran Program Pengajian (1) Pertukaran Program Pengajian (Normal) (i) Penasihat/Penyelia/Penyelaras Program menerima Borang <i>Application for Transfer</i> (PG/ACA/GS-08) daripada pelajar melalui i-GIMS/secara manual dengan mengambil perhatian perkara berikut: (a) Bagi pelajar yang berada pada semester pertama pengajian, permohonan boleh dibuat secara atas talian melalui portal pelajar; (b) Bagi pelajar yang berada pada semester kedua dan seterusnya, permohonan perlu dibuat secara manual melalui Borang PG/ACA/GS-08 yang boleh diperolehi daripada UA, SPS; (c) Pelajar yang membuat permohonan pada semester pertama dan semester kedua perlu mendapat kelulusan Dekan SPS sebelum keputusan dikemukakan ke Mesyuarat JKKAPS serta JKPSU sebagai kertas untuk makluman; (d) Pelajar yang membuat permohonan pada semester ketiga dan ke atas perlu mendapat pertimbangan dan kelulusan JKKAPS serta JKPSU; (e) Sekiranya pertukaran melibatkan Penasihat/Penyelia daripada PTJ yang berlainan, permohonan perlu mendapatkan pengesahan dari kedua-dua pihak; (f) Pelajar antarabangsa perlu berhubung dengan i-PUTRA untuk proses penukaran pas pelajar;

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 50/84
		No. Semakan: 00 01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/S/GP003/PENSYARAH	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		(g) Pelarasan semula yuran pengajian adalah bagi pertukaran program daripada Program Secara Penyelidikan kepada Program Secara Kerja Kursus dimana pelajar akan dikenakan caj yuran per kredit untuk kursus- kursus yang telah didaftarkan oleh pelajar semasa dalam pengajian Program Secara Penyelidikan; dan (h) Sekiranya permohonan diluluskan selewat-lewatnya pada minggu ke-7, tarikh kuat kuasa pertukaran adalah pada semester semasa manakala permohonan yang diluluskan selepas minggu ke-7, tarikh kuat kuasa adalah pada semester berikutnya. Pelajar yang diluluskan permohonan pada semester pertama pengajian, tarikh kuat kuasa pertukaran adalah tertakluk kepada ketetapan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). (ii) Penasihat/Penyelia/Penyelaras Program membuat semakan permohonan pertukaran program pengajian pelajar dalam i-GIMS/secara manual; dan (iii) Penasihat/Penyelia/Penyelaras Program menyokong permohonan pelajar melalui i-GIMS/secara manual sebelum dimajukan kepada TD/TP PTJ untuk pengesahan (2) Pertukaran Program Pengajian (untuk ke ICP) (i) Penasihat/Penyelia berbincang dengan pelajar tentang kesesuaian pertukaran program dan memastikan permohonan pertukaran dibuat selewatnya pada semester kedua pengajian dan pelajar mestilah berstatus 'Baik' (<i>Continue</i>); (ii) Penasihat/Penyelia membantu pelajar mendapatkan penyelia yang bersesuaian di institusi kerjasama. Nota: Borang PG/PI/GS-68 boleh diakses melalui laman web SPS.

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 51/84
		No. Semakan: 00 01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/S/GP003/PENSYARAH	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		(3) Pertukaran Program Pengajian (untuk ke PSI) (i) Penasihat/Penyelia berbincang dengan pelajar tentang kesesuaian pertukaran program; dan (ii) Penasihat/Penyelia mengesahkan Borang Permohonan Pertukaran Program Pengajian (PG/ACA/GS-08) yang telah dilengkapkan oleh pelajar melalui i-GIMS. Nota: Borang PG/PI/GS-70 boleh diakses melalui laman web SPS
	7.2	Pertukaran Bidang Pengajian bagi Program Secara Penyelidikan (i) Penasihat/Penyelia menerima Borang <i>Application for Transfer</i> (PG/ACA/GS-08) daripada pelajar melalui i-GIMS/secara manual dengan mengambil perhatian perkara berikut: (a) Bagi pelajar yang berada pada semester pertama pengajian, permohonan boleh dibuat secara atas talian melalui portal pelajar; (b) Bagi pelajar yang berada pada semester kedua dan seterusnya, permohonan perlu dibuat secara manual melalui Borang PG/ACA/GS-08 yang boleh diperolehi daripada UA, SPS; Pelajar yang membuat permohonan pada semester pertama dan semester kedua perlu mendapat kelulusan Dekan SPS sebelum keputusan dikemukakan ke Mesyuarat JKKAPS serta JKPSU sebagai kertas untuk makluman; (c) Pelajar yang membuat permohonan pada semester ketiga dan ke atas perlu mendapat pertimbangan dan kelulusan JKKAPS serta JKPSU; (d) Sekiranya pertukaran melibatkan Penasihat/Penyelia daripada PTJ yang berlainan, permohonan perlu mendapatkan pengesahan dari

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 52/84
		No. Semakan: 00 01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANCELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/S/GP003/PENSYARAH	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		kedua-dua pihak; (e) Pelajar antarabangsa perlu berhubung dengan i-PUTRA untuk proses penukaran pas pelajar; dan (f) Sekiranya permohonan diluluskan selewat-lewatnya pada minggu ke-7, tarikh kuat kuasa pertukaran adalah pada semester semasa manakala permohonan yang diluluskan selepas minggu ke-7, tarikh kuat kuasa adalah pada semester berikutnya. Pelajar yang diluluskan permohonan pada semester pertama pengajian, tarikh kuat kuasa pertukaran adalah tertakluk kepada ketetapan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). (ii) Penasihat/Penyelia membuat semakan permohonan pertukaran bidang pengajian pelajar dalam i-GIMS/secara manual; dan (iii) Penasihat/Penyelia menyokong permohonan pelajar melalui i-GIMS/secara manual sebelum dimajukan kepada TD/TP PTJ untuk pengesahan
	7.3	Pertukaran Penempatan PTJ (i) Penasihat/Penyelia menerima Borang <i>Application for Transfer</i> (PG/ACA/GS-08) daripada pelajar melalui i-GIMS/secara manual dengan mengambil perhatian perkara berikut: (a) Bagi pelajar yang berada pada semester pertama pengajian, permohonan boleh dibuat secara atas talian melalui portal pelajar; (b) Bagi pelajar yang berada pada semester kedua dan seterusnya, permohonan perlu dibuat secara manual melalui Borang PG/ACA/GS-08 yang boleh diperolehi daripada UA, SPS;

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 53/84
		No. Semakan: 00 01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/S/GP003/PENSYARAH	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		(c) Pelajar yang membuat permohonan pada semester pertama dan semester kedua perlu mendapat kelulusan Dekan SPS sebelum keputusan dikemukakan ke Mesyuarat JKKAPS serta JKPSU sebagai kertas untuk makluman; (d) Pelajar yang membuat permohonan pada semester ketiga dan ke atas perlu mendapat pertimbangan dan kelulusan JKKAPS serta JKPSU; (e) Permohonan perlu mendapatkan pengesahan dari kedua-dua PTJ; (f) Pelajar antarabangsa perlu berhubung dengan i-PUTRA untuk proses penukaran pas pelajar; dan (g) Sekiranya permohonan diluluskan selewat-lewatnya pada minggu ke-7, tarikh kuat kuasa pertukaran adalah pada semester semasa manakala permohonan yang diluluskan selepas minggu ke-7, tarikh kuat kuasa adalah pada semester berikutnya. Pelajar yang diluluskan permohonan pada semester pertama pengajian, tarikh kuat kuasa pertukaran adalah tertakluk kepada ketetapan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). (ii) Penasihat/Penyelia membuat semakan permohonan pertukaran penempatan PTJ pelajar dalam i-GIMS/secara manual; dan (iii) Penasihat/Penyelia menyokong permohonan pelajar melalui i-GIMS/secara manual sebelum dimajukan kepada TD/TP PTJ untuk pengesahan
7.4	Naik Taraf Pengajian dari Program Master ke PhD	
		(i) Penasihat/Penyelia menerima Borang <i>Application for Conversion of Masters Programme to PhD</i> (PG/ACA/GS-09) daripada pelajar melalui i-GIMS dengan mengambil perhatian perkara berikut:

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 54/84
		No. Semakan: 00 01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/S/GP003/PENSYARAH	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		(a) Pelajar hendaklah telah menamatkan sekurang-kurangnya satu (1) semester dan tidak melebihi dua (2) semester pengajian. PYB PTJ perlu memastikan permohonan naik taraf ini dibuat selewat-lewatnya sebelum tamat semester kedua pengajian pelajar; (b) Pelajar telah melengkapkan semua keperluan kerja kursus seperti yang ditetapkan oleh SPS dan PTJ, dan memperoleh PNGK sekurang-kurangnya 3.750; (c) Pelajar mesti menunjukkan pencapaian penyelidikan yang signifikan melalui salah satu daripada perkara berikut: • Menerbitkan atau menunjukkan bukti penerimaan artikel dalam jurnal berwasit (Scopus/ERA/JCR); atau • Memfailkan paten/hakcipta (software-based)/ reka cipta industri/ papan litar bercetak (printed circuit board)/ inovasi utiliti; atau • Pelajar dalam bidang sains sosial mesti menunjukkan bukti menerbitkan bab dalam buku di bawah senarai penerbit <i>Thomson Reuters Web of Science (WOS)/University Publisher/Dewan Bahasa dan Pustaka</i> /penerbit yang diiktiraf dan tersenarai di bawah Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM). (d) Pelajar mengemukakan cadangan penyelidikan yang setara dengan keperluan di peringkat PhD; (e) Permohonan yang tidak memenuhi syarat yang dinyatakan tidak akan dibawa ke JKKAPS untuk pertimbangan; dan

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 55/84
		No. Semakan: 00 01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANCELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/S/GP003/PENSYARAH	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		(f) Sekiranya permohonan diluluskan selewat-lewatnya pada minggu ke-7, tarikh kuat kuasa pertukaran adalah pada semester semasa manakala permohonan yang diluluskan selepas minggu ke-7, tarikh kuat kuasa adalah pada semester berikutnya. (ii) Penasihat/Penyelia menyokong permohonan pelajar melalui i-GIMS sebelum dimajukan kepada TD/TP PTJ untuk pengesahan; (iii) Penasihat/Penyelia menasihatkan pelajar untuk mengemukakan cadangan penyelidikan yang setara dengan keperluan di peringkat PhD serta hadir ke sesi pembentangan yang ditetapkan oleh PYB PTJ; dan (iv) Pensyarah yang dilantik sebagai penilai permohonan naik taraf pengajian (jika berkaitan) menghadiri sesi pembentangan dan menyediakan laporan untuk dimajukan kepada Pej. TD/TP PT
	7.5	Turun Taraf Pengajian dari Program PhD ke Master (1) Permohonan Turun Taraf Pengajian atas Permintaan Pelajar (i) Penasihat/Penyelia mengadakan perbincangan dengan pelajar mengenai justifikasi permohonan turun taraf pengajian; (ii) Penasihat/Penyelia menerima permohonan turun taraf pengajian melalui surat rasmi daripada pelajar dengan mengambil perhatian perkara berikut: (a) Sekiranya permohonan diluluskan selewat-lewatnya pada minggu ke-7, tarikh kuat kuasa pertukaran adalah pada semester semasa manakala permohonan yang diluluskan selepas minggu ke-7, tarikh kuat kuasa adalah pada semester berikutnya; dan

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 56/84
		No. Semakan: 00 01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANCELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/S/GP003/PENSYARAH	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		(b) Permohonan yang tidak lengkap tidak akan dibawa ke JKKAPS untuk pertimbangan. (iii) Penasihat/Penyelia menyokong permohonan pelajar melalui surat rasmi tersebut sebelum dimajukan kepada TD/TP PTJ untuk pengesahan. (2) Permohonan Turun Taraf Pengajian atas Permintaan Penasihat/Penyelia (i) Penasihat/Penyelia mengadakan perbincangan dengan pelajar mengenai justifikasi permohonan turun taraf pengajian dan mendapatkan persetujuan daripada pelajar; (ii) Penasihat/Penyelia membuat permohonan turun taraf pengajian pelajar melalui surat rasmi dengan mengambil perhatian perkara berikut: (a) Pelajar boleh diturunkan taraf pengajian ke peringkat Master sekiranya berlaku mana-mana keadaan berikut: - Gagal dalam CE - Penyelia/Penasihat berpendapat bahawa pelajar tidak berkeupayaan untuk meneruskan pengajian di peringkat PhD; - terdapat perubahan pada skop penyelidikan berbanding skop asal yang telah diluluskan semasa permohonan naik taraf; - Projek penyelidikan yang dijalankan tidak memenuhi Hasil Pembelajaran Program (PLO) bagi pengajian di peringkat PhD; dan/atau

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 57/84
		No. Semakan: 00 01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANCELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/S/GP003/PENSYARAH	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil.	Tindakan	
		Pelajar menukar bidang pengajian. (b) Sekiranya permohonan diluluskan selewat-lewatnya pada minggu ke-7, tarikh kuat kuasa pertukaran adalah pada semester semasa manakala permohonan yang diluluskan selepas minggu ke-7, tarikh kuat kuasa adalah pada semester berikutnya; dan (c) Permohonan yang tidak lengkap tidak akan dibawa ke JKKAPS untuk pertimbangan. (iii) Penasihat/Penyelia memajukan permohonan melalui surat rasmi tersebut kepada TD/TP PTJ untuk mendapatkan pengesahan
	7.6	Penangguhan Pengajian (i) Penasihat/Penyelia mengadakan perbincangan dengan pelajar mengenai permohonan penangguhan pengajian; (ii) Penasihat/Penyelia menerima permohonan penangguhan pengajian melalui melalui Borang <i>Application for Deferment of Semester</i> (PG/ACA/GS-07) daripada pelajar melalui i-GIMS dengan mengambil perhatian perkara berikut: (a) Pelajar dibenarkan memohon penangguhan pengajian sebanyak maksimum dua (2) semester sepanjang tempoh pengajian; (b) Tambahan dua (2) semester lagi boleh dipohon hanya sekiranya pelajar menghadapi masalah kesihatan atau berdasarkan justifikasi khusus yang disertakan dengan dokumen sokongan yang lengkap. Bagi permohonan yang melibatkan masalah kesihatan, laporan kesihatan perlu dimajukan kepada PYB UA untuk semakan sebelum PYB UA

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 58/84
		No. Semakan: 00 01
	8.2	Pelantikan Semula Ahli Jawatankuasa Penyeliaan Pelajar (i) Pelajar mengadakan perbincangan dengan Penyelia sedia ada mengenai pelantikan semula ahli JKP;

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 85/107
		No. Semakan: 00 -01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Isu: 01
	Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil	Tindakan
	(ii) Pelajar mengisi borang Penamaan Semula Jawatankuasa Penyeliaan (PG/ACA/GS-10b) secara manual yang boleh dicapai melalui portal pelajar dengan mengambil perhatian perkara berikut; (a) Borang PG/ACA/GS-10b perlu mendapat persetujuan daripada setiap ahli jawatankuasa penyeliaan sedia ada dan juga setiap ahli jawatankuasa penyeliaan yang Baharu; (b) Penamaan semula perlu dilaksanakan selewatnya pada semester ketiga bagi program Master dan selewatnya pada semester kelima bagi program PhD; (c) Sekiranya permohonan diluluskan selewat-lewatnya pada minggu ke-11, tarikh kuat kuasa pertukaran adalah pada semester semasa manakala permohonan yang diluluskan selepas minggu ke-11, tarikh kuat kuasa adalah pada semester berikutnya. Dalam keadaan ini, Pengerusi asal perlu membuat pengesahan Laporan <i>Progress Report</i> (PG/ACA/GS-11) dalam i-GIMS; dan (d) Bagi pelajar yang telah melantik Ahli JKP dan kemudian memohon pertukaran ke ICP atau PSI, pelajar perlu melaksanakan penamaan semula Ahli JKP mengikut keperluan program; (iii) Pelajar mendapatkan tandatangan daripada setiap ahli JKP sedia ada dan juga setiap ahli JKP yang baharu; (iv) Pelajar menghantar borang yang lengkap ke Pejabat TD/TP PTJ; dan (v) Pelajar menyemak status permohonan Penamaan Semula JKP di Portal Pelajar dan emel pelajar selepas tempoh dua (2) bulan dari tarikh borang dimajukan kepada Pejabat TD/TP PTJ.
9.	Peperiksaan Komprehensif (CE)

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 86/107
		No. Semakan: 00 -01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Isu: 01
	Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil	Tindakan	
	9.1 Peperiksaan Komprehensif (bagi Pelajar Program PhD Secara Penyelidikan Sahaja)	
	(i) Pelajar mengadakan perbincangan dengan Penyelia/Ahli JKP bagi memastikan pelajar memenuhi semua keperluan yang ditetapkan sebelum dibenarkan menduduki CE dengan mengambil perhatian perkara berikut: (a) Pelajar hanya dibenarkan menduduki CE selepas selesai semua kursus wajib dan dalam tempoh empat semester (Sepenuh Masa) dan enam semester (Separuh Masa), status pelajar akan bertukar kepada 'Gagal dan Diberhentikan' (<i>Terminated GB</i>) sekiranya gagal menduduki CE dalam tempoh ditetapkan; (b) CE hendaklah mengandungi peperiksaan bertulis dan lisan dan pelajar perlu lulus kedua-dua peperiksaan itu yang setara dengan gred B; (c) Pelajar tidak dibenarkan mengambil peperiksaan lisan sehingga pelajar telah lulus peperiksaan bertulis. Peperiksaan lisan perlu dilaksanakan tidak lewat daripada 30 hari selepas peperiksaan bertulis; (d) Peperiksaan hendaklah dijalankan oleh Jawatankuasa Penyeliaan pelajar, atau suatu jawatankuasa khas yang dilantik oleh PTJ; (e) Sekiranya pelajar tidak dapat mengambil CE dalam tempoh yang ditetapkan atas alasan perubatan, atau mengalami kecemasan selain daripada alasan perubatan, pelajar itu perlu memohon pelanjutan masa yang disokong dengan dokumen berkaitan untuk kelulusan Dekan; dan (f) Pelajar diberikan peluang sebanyak dua kali untuk lulus peperiksaan. Peperiksaan kali kedua hendaklah diambil dalam tempoh 60 hari selepas peperiksaan kali pertama. Sekiranya gagal	

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 87/107
		No. Semakan: 00 01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Isu: 01
	Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil	Tindakan	
		kali kedua pelajar akan ditamatkan pengajian dan pelajar boleh dicadangkan untuk turun taraf ke program Master. (ii) Pelajar merujuk kepada Ahli JKP bagi penentuan tarikh menduduki CE; (iii) Pelajar menduduki CE secara bertulis dalam tempoh yang ditetapkan oleh Ahli JKP; (iv) Pelajar menduduki CE secara lisan mengikut tarikh yang telah ditetapkan oleh ahli JKP; dan (v) Pelajar membuat semakan keputusan CE dalam emel dan Portal Pelajar.
10.	Penilaian dan Peperiksaan Akhir	
	10.1	Pelaksanaan Peperiksaan (i) Pelajar merujuk kepada maklumat tarikh, masa dan lokasi peperiksaan akhir dijalankan bagi kursus yang telah didaftarkan pada semester berkenaan; (ii) Pelajar hadir dan menduduki peperiksaan mengikut peraturan peperiksaan seperti berikut: (a) Pelajar hanya boleh memasuki dewan peperiksaan apabila dibenarkan oleh pensyarah; (b) Pelajar tidak dibenarkan untuk masuk ke dewan peperiksaan 30 minit selepas peperiksaan bermula; (c) Dalam 30 minit pertama peperiksaan, pelajar tidak dibenarkan keluar daripada dewan, kecuali dengan izin daripada pensyarah; (d) Pelajar tidak dibenarkan keluar daripada dewan peperiksaan 15 minit sebelum peperiksaan tamat;

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 88/107
		No. Semakan: 00 -01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Isu: 01
	Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil	Tindakan	
		(e) Pelajar perlu menunjukkan kad matrik sepanjang peperiksaan berlangsung. Pelajar yang gagal berbuat demikian tidak akan dibenarkan untuk mengambil peperiksaan; (f) Pelajar perlu mengisi maklumat dengan lengkap pada kertas peperiksaan; (g) Pelajar tidak dibenarkan meniru, membawa nota, berbual, merokok, membawa makanan sepanjang peperiksaan. Jika tidak, pelajar akan dikenakan tindakan tatatertib; (h) Pelajar wajib mematuhi etika pakaian ketika peperiksaan akhir sedang berlangsung; (i) Pelajar yang gagal menghadiri peperiksaan akhir akan diberi Gred 'F'; (j) Sekiranya pelajar mengemukakan alasan yang kukuh, pelajar dibenarkan untuk menduduki peperiksaan gantian dengan persetujuan Dekan; (k) Peperiksaan gantian perlu dilakukan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh asal peperiksaan; (l) Pelajar yang tidak membayar yuran pengajian tidak dibenarkan menduduki peperiksaan dan pelajar program secara penyelidikan akan diberi gred 'TM' dan pelajar tidak dibenarkan untuk menghantar tesis dan menghadiri viva voce; dan (m) Keputusan peperiksaan akan diumumkan di Portal Pelajar setelah mendapat kelulusan Senat.
	10.2	Kemasukan Gred dalam i-GIMS (i) Pelajar menyemak keputusan peperiksaan mengikut tarikh yang ditetapkan dalam kalendar akademik di Portal Pelajar seperti berikut:

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 89/107
		No. Semakan: 00 01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Isu: 01
	Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil	Tindakan																																																								
		<table><tr><th>Gred</th><th>Markah</th><th>Mata Kualiti</th></tr><tr><td>A</td><td>80-100</td><td>4.000</td></tr><tr><td>A-</td><td>75-79</td><td>3.750</td></tr><tr><td>B+</td><td>70-74</td><td>3.500</td></tr><tr><td>B</td><td>65-69</td><td>3.000</td></tr><tr><td>B-</td><td>60-64</td><td>2.750</td></tr><tr><td>C+</td><td>55-59</td><td>2.500</td></tr><tr><td>C</td><td>50-54</td><td>2.000</td></tr><tr><td>C-</td><td>47-49</td><td>1.750</td></tr><tr><td>D+</td><td>44-46</td><td>1.500</td></tr><tr><td>D</td><td>40-43</td><td>1.000</td></tr><tr><td>F</td><td>0-39</td><td>0.000</td></tr><tr><td>M</td><td>-</td><td>Memuaskan</td></tr><tr><td>TM</td><td>-</td><td>Tidak Memuaskan</td></tr><tr><td>TM (GB)</td><td>-</td><td>Tidak Memuaskan (Gagal dan Diberhentikan)</td></tr><tr><td>TL</td><td>-</td><td>Tidak Lengkap</td></tr><tr><td>S</td><td>-</td><td>Diteruskan</td></tr><tr><td>AU</td><td>-</td><td>Audit</td></tr></table>		Gred	Markah	Mata Kualiti	A	80-100	4.000	A-	75-79	3.750	B+	70-74	3.500	B	65-69	3.000	B-	60-64	2.750	C+	55-59	2.500	C	50-54	2.000	C-	47-49	1.750	D+	44-46	1.500	D	40-43	1.000	F	0-39	0.000	M	-	Memuaskan	TM	-	Tidak Memuaskan	TM (GB)	-	Tidak Memuaskan (Gagal dan Diberhentikan)	TL	-	Tidak Lengkap	S	-	Diteruskan	AU	-	Audit
Gred	Markah	Mata Kualiti																																																							
A	80-100	4.000																																																							
A-	75-79	3.750																																																							
B+	70-74	3.500																																																							
B	65-69	3.000																																																							
B-	60-64	2.750																																																							
C+	55-59	2.500																																																							
C	50-54	2.000																																																							
C-	47-49	1.750																																																							
D+	44-46	1.500																																																							
D	40-43	1.000																																																							
F	0-39	0.000																																																							
M	-	Memuaskan																																																							
TM	-	Tidak Memuaskan																																																							
TM (GB)	-	Tidak Memuaskan (Gagal dan Diberhentikan)																																																							
TL	-	Tidak Lengkap																																																							
S	-	Diteruskan																																																							
AU	-	Audit																																																							

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 90/107
		No. Semakan: 00 -01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil	Tindakan				
			N	-	Gred Tidak Dimasukkan
11.	Pengurusan Peperiksaan Semula				
	11.1	Peperiksaan Semula bagi Kursus Berstruktur (i) Pelajar melengkapkan Borang Permohonan Peperiksaan Semula Kursus (PG/ACA/GS-51) yang boleh dicapai melalui Portal Pelajar dengan mengambil perhatian perkara berikut: (a) Pelajar yang layak adalah yang berstatus 'Percubaan' (<i>Probation</i>) dan 'Gagal dan Diberhentikan' (<i>Terminated</i>); (b) Gred tertinggi yang boleh diberikan untuk permohonan peperiksaan semula adalah gred 'B' sahaja; (c) Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses untuk perubahan gred; (d) Peperiksaan semula perlu dilakukan dalam tempoh dua (2) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan kepada pelajar; dan (e) Sekiranya status pengajian pelajar adalah 'Gagal dan Diberhentikan' (<i>Terminated GB</i>), gred baharu akan dibawa ke Mesyuarat JKSS bagi pertimbangan dan kelulusan. (ii) Pelajar memajukan borang yang lengkap ke Pejabat TD/TP PTJ; dan (iii) Pelajar menyemak keputusan permohonan di Portal Pelajar dan emel pelajar.			
12.	Pengurusan Semakan Peperiksaan				

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 91/107
		No. Semakan: 00 -01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Isu: 01
	Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil	Tindakan	
	12.1	Semakan Gred (i) Pelajar melengkapkan Borang Semakan Gred (PG/ACA/GS-13a) yang boleh dicapai melalui Portal Pelajar dengan mengambil perhatian perkara berikut: (a) Sekiranya status pengajian pelajar adalah ‘Gagal dan Diberhentikan’ (<i>Terminated GB</i>), gred baharu akan dibawa ke Mesyuarat JKSS untuk pertimbangan dan kelulusan; (b) Semakan gred perlu dilakukan dalam tempoh dua (2) minggu selepas keputusan diumumkan kepada pelajar; dan (c) Bagi pelajar program Secara Kerja Kursus yang berada pada semester akhir yang telah mendapat status ‘Gagal dan Diberhentikan’ (<i>Terminated GB</i>), pelajar boleh membuat permohonan untuk mengulang semester kepada Dekan SPS bagi pertimbangan Mesyuarat Jawatankuasa Semakan Siswazah (JKSS). (ii) Pelajar menjelaskan pembayaran RM50.00 kepada Pejabat Bursar UPM bagi setiap kursus yang dibuat semakan gred; (iii) Pelajar menghantar borang tersebut beserta resit bayaran kepada Pejabat TD/TP PTJ untuk tindakan selanjutnya; dan (iv) Pelajar menyemak keputusan permohonan melalui emel dan Portal Pelajar.
	12.2	Penggantian Markah dan Gred (i) Pelajar mendaftar kursus yang diulang dalam i-GIMS dengan mengambil perhatian perkara berikut:

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 92/107
		No. Semakan: 00 -01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Isu: 01
	Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil	Tindakan	
		(a) Markah dan gred hanya boleh digantikan bagi kursus (termasuk projek dan kajian kes) yang memperoleh gred F. Markah dan gred baharu akan menggantikan gred F tersebut dalam pengiraan PNGK pelajar. Walau bagaimanapun, gred F asal hendaklah kekal direkodkan dalam transkrip akademik bagi semester berkenaan. Pelajar hanya dibenarkan mengulang kursus berkenaan sekali sahaja. (b) Pelajar dibenarkan mengulang mana-mana kursus sekali sahaja, tetapi gred baharu tidak akan menggantikan gred asal dalam pengiraan PNGK. Gred asal hendaklah dikekalkan dalam transkrip akademik. (ii) Pelajar menghadiri kuliah dan menduduki peperiksaan mengikut tarikh dan masa yang ditetapkan; (iii) Membuat semakan keputusan mengikut kalendar akademik semasa.
	12.3	Mengulang Semester Akhir (i) Pelajar mendaftar semula kursus yang gagal pada semester berikutnya; (ii) Pelajar menghadiri kuliah/menyelesaikan tugas yang telah didaftarkan; (iii) Pelajar menduduki peperiksaan akhir bagi kursus yang telah didaftarkan; (iv) Pelajar menerima keputusan peperiksaan sehari selepas perakuan Senat.
	12.4	Semakan ke Atas Pemberhentian (i) Pelajar menerima notis pemakluman pemberhentian [mendapat status 'Gagal dan Diberhentikan' (<i>Terminated</i> GB)] daripada PYB UA, SPS melalui emel disebabkan salah satu perkara berikut;

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 93/107
		No. Semakan: 00 -01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Isu: 01
	Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil	Tindakan	
	(a)	Mendapat PNGK kurang daripada 2.500 dalam mana-mana semester;
	(b)	Menerima gred "TM" sebanyak dua kali bagi penyelidikan sepanjang tempoh pengajian;
	(c)	Gagal memperoleh PNGK minimum 3.000 pada semester berikutnya selepas diberi status 'Percubaan' (<i>Probation</i>);
	(d)	Gagal dalam CE selepas cubaan kedua, kecuali diperakukan untuk pembalikan ke program Master;
	(e)	Gagal menduduki CE dalam tempoh empat semester (sepenuh masa) atau enam semester (separuh masa);
	(f)	Gagal dua kali dalam mana-mana kursus wajib atau elektif;
	(g)	Gagal tiga kali dalam kursus PIE 2;
	(h)	Gagal tiga kali dalam mana-mana kursus prasyarat bagi pelajar yang mendaftar tanpa kelayakan berkaitan atau pengalaman kerja dalam bidang berkaitan;
	(i)	Melebihi tempoh maksimum pengajian yang dibenarkan;
	(j)	Gagal dalam peperiksaan tesis; dan
	(k)	Tidak menghantar tesis dalam tempoh masa yang ditetapkan selepas peperiksaan tesis.
	(ii)	Pelajar membuat permohonan dengan melengkapkan Borang <i>Review Against Termination</i> (PG/ACA/GS-13b) dalam Portal Pelajar dengan mengambil perhatian perkara berikut:

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 94/107
		No. Semakan: 00 -01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Isu: 01
	Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil	Tindakan	
		(a) Permohonan semakan ke atas pemberhentian perlu dilakukan dalam tempoh dua (2) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan kepada pelajar. (b) Permohonan semakan ke atas pemberhentian bagi kes melebihi tempoh penghantaran pembetulan tesis selepas peperiksaan, perlu dilakukan dalam tempoh sebulan selepas status pengajian pelajar bertukar kepada 'Gagal dan Diberhentikan' (<i>Terminated GB</i>). (c) Pelajar perlu menjelaskan bayaran RM50.00 dan mendapatkan surat sokongan daripada PTJ. (d) Bagi kes pelajar yang telah berstatus 'Gagal dan Diberhentikan' (<i>Terminated GB</i>) disebabkan pelajar telah berada pada tempoh maksimum pelanjutan pengajian, PYB UA akan menghantar emel kepada pelajar untuk melengkapkan Borang <i>Application for Review Against Termination-Terminated (Exceeded Duration)</i> (PG/ACA/GS-52) secara manual melalui portal pelajar yang disokong oleh penyelia dan disahkan oleh TD/TP PTJ dan dihantar bersama satu salinan draf tesis yang sedang disiapkan kepada SPS berserta bayaran yuran proses berjumlah RM50.00. Kes pelajar akan dibawa ke JKSS bagi pertimbangan dan kelulusan.; (iii) Pelajar menghantar surat sokongan dan resit pembayaran kepada PYB UA, SPS atau melalui emel sgs_academic@upm.edu.my; (iv) Pelajar menerima keputusan Mesyuarat JKSS daripada PYB UA SPS melalui emel Keputusan akan dimaklumkan melalui emel pelajar dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja selepas mendapat perakuan Senat; dan (v) Pelajar mengambil tindakan sebagaimana yang dinyatakan dalam surat pemakluman oleh PYB UA berdasarkan keputusan JKSS.

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 95/107
		No. Semakan: 00 -01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Isu: 01
	Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil	Tindakan	
13.	Pengurusan Peperiksaan Akhir (Viva Voce)	
	13.1	Penghantaran Borang Notis Penyerahan Tesis (i) Pelajar berbincang dengan JKP untuk menghantar Notis Penyerahan Tesis (PG/TSS/GS-14a); (ii) Pelajar mengemukakan permohonan kepada SPS untuk mengakses Borang PG/TSS/GS-14a selepas semakan keperluan kredit oleh Pejabat TD/TP PTJ; (iii) Pelajar memuat naik jadual kandungan dan abstrak tesis yang telah dipersetujui oleh JKP; (iv) Pelajar memuat turun Borang PG/TSS/GS-14a di Portal Pelajar dan mendapatkan pengesahan dari ahli JKP untuk dihantar ke Pejabat TD/TP PTJ dan memastikan keperluan berikut telah dipenuhi: (a) Status pengajian pelajar adalah 'Baik' (<i>Continue</i>); (b) JKP telah dilantik; (c) Lulus kursus Kaedah Penyelidikan; (d) Lulus SPS5903/SPS6903; (e) Telah memenuhi keperluan kursus tambahan yang ditetapkan oleh PTJ; (f) Lulus CE untuk program PhD; (g) Lulus kursus LPM2100 atau kursus yang setara (untuk pelajar antarabangsa kecuali Brunei dan Indonesia); dan (h) Menyelesaikan semua yuran yang tertunggak.
	13.2	Penghantaran Tesis untuk Peperiksaan Akhir (Viva Voce) (i) Pelajar memastikan status pengajian adalah 'Baik' (<i>Continue</i>);

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 96/107
		No. Semakan: 00 -01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Isu: 01
	Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil	Tindakan	
	(ii) Pelajar mengisi Borang Penyerahan Tesis untuk Peperiksaan (PG/TSS/GS-15a) di Portal Pelajar selepas menerima notifikasi secara automatik melalui e-mel; (iii) Pelajar memuat turun borang dan mendapatkan kelulusan daripada kesemua ahli JKP dan TD/TP PTJ dan menghantar borang bersama dengan dokumen berikut kepada SPS melalui e-mel sgs_thesis@upm.edu.my: (a) Salinan tesis dalam format pdf; (b) Laporan plagiat (<i>Turnitin Report</i>) ($\leq 25\%$) (kecuali pelajar Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (<i>Turnitin Report</i>) ($\leq 20\%$) dalam format pdf; (c) Senarai pembetulan tesis (bagi penyerahan semula tesis PG/TSS/GS-15b); dan (d) Borang Pengesahan Hasil Penulisan dan Penggunaan Teknologi Kecerdasan Buatan (PG/TSS/GS-60). (iv) Pelajar menyemak status pengajian telah bertukar daripada 'Baik' (<i>Continue</i>) kepada 'Thesis Submitted'; dan (v) Pelajar boleh merujuk Panduan Penyediaan Tesis di laman web SPS melalui pautan berikut: https://sgs.upm.edu.my/upload/dokumen/20240925164907GUIDELINE_TO_THESIS_PREPARATION_(Edited_240924).pdf	
13.3	Peperiksaan Akhir (<i>Viva Voce</i>) (i) Pelajar akan menerima pemakluman tarikh viva voce, tempat dan masa <i>viva voce</i> daripada pegawai SPS dalam tempoh empat (4) bulan selepas penghantaran tesis; (ii) Pelajar menyediakan slaid pembentangan untuk JKPPT sebelum <i>viva voce</i> berlangsung;	

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 97/107
		No. Semakan: 00 -01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil	Tindakan											
	(iii) Pelajar diberi tempoh masa 20 minit bagi pembentangan projek penyelidikan. Sesi soal jawab akan berlangsung selepas pelajar selesai membuat pembentangan; (iv) Pelajar wajib hadir <i>viva voce</i> secara fizikal; (v) Pelajar akan dimaklumkan keputusan awal <i>viva voce</i> selepas tamat sesi soal jawab, dan seterusnya pelajar akan menerima laporan akhir <i>viva voce</i> dalam tempoh 14 hari bekerja daripada tarikh viva. Keputusan <i>Viva Voce</i> dikategorikan sebagai berikut: <table><tr><th>Keputusan</th><th>Tindakan</th></tr><tr><td>Tesis diterima-dengan kepujian (<i>Distinction</i>)</td><td>Pelajar diberi tempoh 15 hari untuk membuat pembetulan tesis.</td></tr><tr><td>Tesis diterima dengan pindaan (<i>Minor</i> atau <i>Major</i>)</td><td>Pelajar diberi tempoh maksimum tiga (3) bulan jika pindaan minor atau maksimum enam (6) bulan jika pindaan major untuk membuat pembetulan tesis.</td></tr><tr><td>Peperiksaan Semula Lisan (<i>Re-viva voce</i>)</td><td>Ahli JKPPT menjalankan peperiksaan semula dalam tempoh 60 hari selepas peperiksaan pertama.</td></tr><tr><td>Penyerahan Semula Tesis (<i>Re-submission</i>)</td><td> Pelajar diberi tempoh maksimum dua (2) semester atau satu (1) tahun untuk membuat pembetulan dan menyerahkan semula tesis untuk peperiksaan semula <i>viva voce</i>. Pelajar perlu melengkapkan Borang Penyerahan Semula Tesis untuk Peperiksaan PG/TSS/GS-15b melalui portal pelajar. </td></tr></table>		Keputusan	Tindakan	Tesis diterima-dengan kepujian (<i>Distinction</i>)	Pelajar diberi tempoh 15 hari untuk membuat pembetulan tesis.	Tesis diterima dengan pindaan (<i>Minor</i> atau <i>Major</i>)	Pelajar diberi tempoh maksimum tiga (3) bulan jika pindaan minor atau maksimum enam (6) bulan jika pindaan major untuk membuat pembetulan tesis.	Peperiksaan Semula Lisan (<i>Re-viva voce</i>)	Ahli JKPPT menjalankan peperiksaan semula dalam tempoh 60 hari selepas peperiksaan pertama.	Penyerahan Semula Tesis (<i>Re-submission</i>)	Pelajar diberi tempoh maksimum dua (2) semester atau satu (1) tahun untuk membuat pembetulan dan menyerahkan semula tesis untuk peperiksaan semula <i>viva voce</i>. Pelajar perlu melengkapkan Borang Penyerahan Semula Tesis untuk Peperiksaan PG/TSS/GS-15b melalui portal pelajar.
Keputusan	Tindakan											
Tesis diterima-dengan kepujian (<i>Distinction</i>)	Pelajar diberi tempoh 15 hari untuk membuat pembetulan tesis.											
Tesis diterima dengan pindaan (<i>Minor</i> atau <i>Major</i>)	Pelajar diberi tempoh maksimum tiga (3) bulan jika pindaan minor atau maksimum enam (6) bulan jika pindaan major untuk membuat pembetulan tesis.											
Peperiksaan Semula Lisan (<i>Re-viva voce</i>)	Ahli JKPPT menjalankan peperiksaan semula dalam tempoh 60 hari selepas peperiksaan pertama.											
Penyerahan Semula Tesis (<i>Re-submission</i>)	Pelajar diberi tempoh maksimum dua (2) semester atau satu (1) tahun untuk membuat pembetulan dan menyerahkan semula tesis untuk peperiksaan semula <i>viva voce</i>. Pelajar perlu melengkapkan Borang Penyerahan Semula Tesis untuk Peperiksaan PG/TSS/GS-15b melalui portal pelajar.											

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 98/107
		No. Semakan: 00 -01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Isu: 01
	Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil	Tindakan					
	<table><tr><td>Penyerahan semula tesis PhD sebagai tesis Master</td><td>Pelajar diberi tempoh 60 hari untuk membuat pembetulan tesis Nota: Keputusan ini tidak terpakai kepada pelajar PhD kemasukan terus (<i>fast-track</i>).</td></tr><tr><td>Tesis ditolak</td><td>Pelajar diberi status 'Gagal dan Diberhentikan' [<i>Terminated (GB)</i>]</td></tr></table>	Penyerahan semula tesis PhD sebagai tesis Master	Pelajar diberi tempoh 60 hari untuk membuat pembetulan tesis Nota: Keputusan ini tidak terpakai kepada pelajar PhD kemasukan terus (<i>fast-track</i>).	Tesis ditolak	Pelajar diberi status 'Gagal dan Diberhentikan' [<i>Terminated (GB)</i>]	
Penyerahan semula tesis PhD sebagai tesis Master	Pelajar diberi tempoh 60 hari untuk membuat pembetulan tesis Nota: Keputusan ini tidak terpakai kepada pelajar PhD kemasukan terus (<i>fast-track</i>).					
Tesis ditolak	Pelajar diberi status 'Gagal dan Diberhentikan' [<i>Terminated (GB)</i>]					
	(vi) Pelajar membuat penyerahan semula tesis kepada UT SPS dan mematuhi prosedur berikut: (a) Membuat bayaran yuran pendaftaran penuh untuk semester semasa; (b) Mendaftar kursus Master Research (SPS5999) atau Doctoral Research (SPS6999); (c) Mengemukakan Laporan Kemajuan (Borang GS-11) untuk setiap semester yang didaftarkan; (d) Membayar yuran peperiksaan semula; dan (e) Mengemukakan dokumen berikut kepada SPS melalui emel sgs_thesis@upm.edu.my: • Salinan tesis dalam format pdf; • Salinan laporan plagiat (<i>Turnitin Report</i>) ($\leq 25\%$) (kecuali pelajar Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (<i>Turnitin Report</i>) ($\leq 20\%$) dalam format pdf; • Senarai pembetulan; • Borang Pengesahan Hasil Penulisan dan Penggunaan Teknologi Kecerdasan Buatan (PG/TSS/GS-60);					

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 99/107
		No. Semakan: 00 -01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil	Tindakan							
		Kegagalan untuk menyerahkan semula tesis dalam tempoh yang ditetapkan akan mengakibatkan status pengajian bertukar kepada 'Gagal dan Diberhentikan' (<i>Terminated GB</i>). (vii) Pelajar perlu mematuhi Peraturan Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan terkini).						
13.4	Penghantaran Pembetulan Tesis Selepas Peperiksaan Akhir (Viva Voce) (i) Pelajar menerima laporan akhir viva voce daripada UT SPS; (ii) Pelajar melaksanakan pembetulan tesis mengikut tempoh keputusan Viva Voce seperti berikut: <table><thead><tr><th>Keputusan</th><th>Tindakan</th></tr></thead><tbody><tr><td>Tesis diterima dengan kepujian (<i>Distinction</i>)</td><td>Pelajar diberi tempoh 15 hari untuk membuat pembetulan tesis.</td></tr><tr><td>Tesis diterima dengan pindaan (<i>Minor</i> atau <i>Major</i>)</td><td>Pelajar diberi tempoh maksimum tiga (3) bulan jika pindaan minor atau maksimum enam (6) bulan jika pindaan major untuk membuat pembetulan tesis.</td></tr></tbody></table> (iii) Pelajar mengisi Borang Penyerahan Tesis Selepas Peperiksaan Akhir (<i>Viva Voce</i>) (PG/TSS/GS-16a) melalui Portal Pelajar; (iv) Pelajar memuat turun Borang PG/TSS/GS-16a, Borang <i>Information on Publication During Candidature</i> [PG/TSS/GS-25], Borang Maklumat untuk Bergraduat (PG/ACA/GS-17) dan mendapatkan pengesahan daripada Penyelia Utama, ahli JKPPT dan TD/TP PTJ; dan (v) Pelajar menghantar Borang PG/TSS/GS-16a bersama dokumen berkaitan melalui e-mel sgs_thesis@upm.edu.my;		Keputusan	Tindakan	Tesis diterima dengan kepujian (<i>Distinction</i>)	Pelajar diberi tempoh 15 hari untuk membuat pembetulan tesis.	Tesis diterima dengan pindaan (<i>Minor</i> atau <i>Major</i>)	Pelajar diberi tempoh maksimum tiga (3) bulan jika pindaan minor atau maksimum enam (6) bulan jika pindaan major untuk membuat pembetulan tesis.
Keputusan	Tindakan							
Tesis diterima dengan kepujian (<i>Distinction</i>)	Pelajar diberi tempoh 15 hari untuk membuat pembetulan tesis.							
Tesis diterima dengan pindaan (<i>Minor</i> atau <i>Major</i>)	Pelajar diberi tempoh maksimum tiga (3) bulan jika pindaan minor atau maksimum enam (6) bulan jika pindaan major untuk membuat pembetulan tesis.							

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 100/107
		No. Semakan: 00 -01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Isu: 01
	Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil	Tindakan
	(a) Salinan tesis dalam bentuk pdf; (b) Senarai pembetulan tesis; (c) Salinan abstrak tesis; (d) Borang <i>Particulars for Graduation</i> (PG/ACA/GS-17); (e) Borang <i>Information on Publication During Candidature</i> (PG/TSS/GS-25) dan salinan bukti penerbitan dan/atau penerimaan dan/atau penghantaran artikel jurnal (mengikut kohort); dan (f) Laporan plagiat (<i>Turnitin Report</i>) ($\leq 25\%$) (kecuali pelajar Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (<i>Turnitin Report</i>) ($\leq 20\%$) dalam format pdf. (vi) Pelajar menyemak status pengajian telah bertukar dari 'Thesis Submitted' kepada 'Completed' selepas penghantaran borang Penyerahan Tesis Selepas Peperiksaan Akhir (Viva Voce) (PG/TSS/GS-16a); (vii) Pelajar akan menerima pemakluman kelulusan Senat melalui emel; (viii) Pelajar yang gagal menyerahkan tesis dalam tempoh yang ditetapkan akan mengakibatkan status pelajar bertukar kepada 'Gagal dan Diberhentikan' (<i>Terminated GB</i>); (ix) Pelajar mengemukakan permohonan semakan ke atas pemberhentian untuk pertimbangan JKSS dalam tempoh satu (1) bulan selepas status pengajian pelajar bertukar kepada 'Gagal dan Diberhentikan' (<i>Terminated GB</i>); (x) Pelajar yang telah memenuhi keperluan penerbitan akan disenaraikan dalam kertas Cadangan Pengurniaan Ijazah Lanjutan untuk dibawa ke Mesyuarat JKPSU dan Senat [Rujuk Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan terkini)]; dan (xi) Pelajar yang tidak memenuhi keperluan penerbitan akan ditangguhkan proses pengurniaan ijazah sebagaimana berikut:

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 101/107
		No. Semakan: 00 -01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil	Tindakan	
		(a) Penangguhan selama dua (2) tahun bagi program PhD; dan (b) Penangguhan selama satu (1) tahun bagi program Master.
	13.5	Penghantaran Tesis Muktamad (i) Pelajar mengambil pembetulan tesis dan <i>approval sheet</i> dari Kaunter Tesis, SPS; (ii) Pelajar menyerahkan satu salinan tesis (<i>loose bound</i>) ke Kaunter Tesis, SPS untuk semakan format akhir sebelum penyerahan tesis muktamad; (iii) Pelajar perlu mendapatkan tandatangan daripada ahli JKP pada bahagian Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan dan Pengesahan Status untuk Tesis/Laporan Projek dan Hakcipta; dan (iv) Pelajar menghantar salinan tesis muktamad dalam bentuk pdf bersama dengan borang GS-16b melalui emel kepada sgs_thesis@upm.edu.my.
14.	Pengesahan dan Pengurniaan Ijazah Pelajar Pascasiswazah	
	14.1	Pelajar yang Layak Bergraduasi (1) Program Secara Kerja Kursus (i) Pelajar melengkapkan Borang <i>Study Scheme for Graduation</i> (PG/ACA/GS-05b) di Portal Pelajar dan Penyelaras program dan TD/TP PTJ terima notifikasi melalui i-GIMS untuk pengesahan permohonan tersebut. Pelajar perlu mengambil perhatian perkara berikut; (a) Syarat bergraduasi Master dan PhD: - Lulus semua kursus wajib atau kursus yang setara untuk Program Pengajian; - Mencapai PNGK 3.000 dan ke atas;

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 102/107
		No. Semakan: 00 -01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil	Tindakan
	• Bagi program Secara Kerja Kursus, pelajar perlu menamatkan latihan diperlukan (jika ada); • Pelajar antarabangsa perlu memenuhi kecekapan Bahasa Melayu seperti yang ditetapkan; • Pelajar perlu membuat semakan nama sebelum dimajukan kepada Senat untuk perakuan pengurniaan ijazah, sebarang permohonan pertukaran nama selepas tempoh tersebut tidak akan dipertimbangkan melainkan melalui proses cetakan semula dengan bayaran berjumlah RM500.00 (b) Bagi pelajar ICP, PYB UPIBK memaklumkan kepada institusi kerjasama sekiranya pelajar telah melengkapkan keperluan bergraduat dan layak bergraduat di UPM; (c) Bagi pelajar NG, PYB UPIBK menyediakan 'Completion Letter' selepas pelajar berjaya menamatkan program di UPM, dan menyerahkannya kepada pelajar melalui emel/salinan keras; (ii) Pelajar melengkapkan Borang <i>Particulars for Graduation</i> (PG/ACA/GS-17) dengan membayar RM200.00 kepada Pejabat Bursar UPM setelah status pengajian pelajar bertukar kepada 'Lengkap' (<i>Completed</i>); dan (iii) Pelajar mendapatkan pengesahan daripada Pejabat Bursar dan Perpustakaan serta menghantar satu (1) salinan borang PG/ACA/GS-17 kepada UA, SPS atau melalui emel sgs_academic@upm.edu.my bagi tujuan rekod. (2) Program Secara Penyelidikan (i) Pelajar menghantar borang Penyerahan Tesis Selepas Peperiksaan Akhir (<i>Viva Voce</i>) (PG/TSS/GS-16a), dan Borang <i>Information on Publication During Candidature</i> (PG/TSS/GS-25) kepada PYB UT, SPS untuk pertukaran status daripada <i>Thesis Submitted</i> kepada 'Lengkap' (<i>Completed</i>) dan hanya pelajar yang memenuhi keperluan penerbitan

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 103/107
		No. Semakan: 00 -01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Isu: 01
	Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil	Tindakan	
		sahaja akan dibawa untuk pengesahan Senat. Pelajar perlu mengambil perhatian perkara berikut; (a) Syarat bergraduasi Master dan PhD: • Lulus semua kursus wajib atau kursus yang setara untuk Program Pengajian; • Mencapai PNGK 3.000 dan ke atas; • Bagi program Secara Penyelidikan, pelajar perlu lulus peperiksaan tesis; • Pelajar antarabangsa perlu memenuhi kecekapan Bahasa Melayu seperti yang ditetapkan; • Pelajar program Secara Penyelidikan perlu memenuhi keperluan untuk menerbitkan atau menyerahkan artikel jurnal seperti yang ditetapkan; • Pelajar perlu membuat semakan nama sebelum dimajukan kepada Senat untuk perakuan pengurniaan ijazah, sebarang permohonan pertukaran nama selepas tempoh tersebut tidak akan dipertimbangkan melainkan melalui proses cetakan semula dengan bayaran berjumlah RM500.00 (b) Bagi pelajar ICP, PYB UPIBK memaklumkan kepada institusi kerjasama sekiranya pelajar telah melengkapkan keperluan bergraduasi dan layak bergraduasi di UPM; (c) Bagi pelajar NG, PYB UPIBK menyediakan 'Completion Letter' selepas pelajar berjaya menamatkan program di UPM, dan menyerahkannya kepada pelajar melalui emel/salinan keras. (ii) Pelajar melengkapkan borang <i>Particulars for Graduation</i> (PG/ACA/GS-17) dengan membayar RM200.00 kepada Pejabat Bursar UPM setelah status pengajian pelajar bertukar kepada 'Lengkap' (<i>Completed</i>); dan (iii) Pelajar mendapatkan pengesahan daripada Pejabat Bursar dan PSAS serta menghantar satu (1) salinan borang PG/ACA/GS-17 kepada UA, SPS

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 104/107
		No. Semakan: 00 -01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Isu: 01
	Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil	Tindakan	
		atau melalui emel sgs_academic@upm.edu.my bagi tujuan rekod dengan mengambil perhatian perkara berikut: (a) Surat Senat dan transkrip boleh diambil selepas dua (2) minggu dari tarikh kelulusan Senat. (b) Sijil akademik hanya akan diserahkan selepas pelajar memulangkan Pakaian Akademik (yang dipinjam semasa Majlis Konvokesyen) dalam keadaan baik dan tidak rosak/koyak, serta menjelaskan bayaran denda sekiranya terdapat pemulangan lewat. (c) Untuk kes tertentu, seperti pelajar antarabangsa yang akan pulang ke negara asal dan tidak menghadiri Majlis Konvokesyen, sijil boleh diambil lebih awal di UA, SPS dengan syarat: Pelajar melengkapkan Borang Permohonan Mengambil Surat Senat, Transkrip dan Sijil Sebelum Majlis Konvokesyen.
14.2	Cetakan Salinan Tambahan (Sijil Akademik/ Transkrip)	
	(1) Sijil Akademik	
	(i) Pelajar membuat permohonan cetakan semula sijil akademik kepada PYB UA mengikut situasi berikut; (a) Sekiranya melibatkan kes kerosakan pada sijil akademik, pelajar perlu mengembalikan semula sijil asal berserta resit bayaran cetakan semula sijil akademik berjumlah RM500.00; (b) Sekiranya melibatkan kehilangan sijil, pelajar perlu memajukan salinan passport, laporan polis dan resit pembayaran berjumlah RM500.00; (c) Sekiranya melibatkan proses pertukaran/ susunan nama pada sijil;	

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 105/107
		No. Semakan: 00 -01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil	Tindakan	
		- Pelajar perlu membuat permohonan dan memajukan salinan pasport kepada PYB UA. - Pelajar perlu membuat pembayaran cetakan semula sijil akademik berjumlah RM500.00 setelah menerima kelulusan permohonan daripada PYB UA; (ii) Pelajar memajukan bukti pembayaran RM500.00 kepada Pejabat Bursar untuk pengesahan bayaran; (iii) Pelajar menerima emel pengesahan bayaran daripada Pejabat Bursar yang disalinkan kepada PYB UA bagi proses cetakan sijil akademik; dan (iv) Pelajar mengambil sijil akademik cetakan baharu di Kaunter Akademik, SPS selepas tempoh 60 hari bekerja. (2) Transkrip (i) Pelajar membuat permohonan cetakan semula transkrip kepada PYB UA; (ii) Pelajar memajukan resit bayaran cetakan semula transkrip berjumlah RM10.00 kepada Pejabat Bursar untuk pengesahan bayaran; (iii) Pelajar menerima emel pengesahan daripada Pejabat Bursar yang disalinkan kepada PYB UA bagi proses cetakan transkrip; dan (iv) Pelajar mengambil transkrip di Kaunter Akademik, SPS selepas tempoh 14 hari bekerja.
15.	Pengurusan Majlis Konvokesyen UPM	
	15.1	Peminjaman Jubah Akademik (<i>Graduation Robe</i>)

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 106/107
		No. Semakan: 00 -01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil	Tindakan	
		(i) Pelajar akan menerima notifikasi berkenaan tarikh konvokesyen dan proses peminjaman jubah akademik melalui emel pelajar (@student.upm.edu.my); (ii) Pelajar melengkapkan maklumat berikut sebelum pengambilan jubah di kaunter: (a) Borang pengambilan jubah melalui eSMP; (b) Borang Graduate Tracer Study; dan (c) Borang <i>Particulars for Graduation</i> (PG/ACA/GS-17); dan (iii) Pelajar menerima jubah akademik daripada PYB SPS; dan (iv) Pelajar membuat semakan sewaktu di kaunter pengambilan jubah bagi memastikan tiada sebarang kerosakan, kecacatan, atau kesilapan jenis jubah akademik yang diserahkan. Pelajar akan dikenakan caj mengikut kadar semasa sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan pada jubah akademik dan mortar.
15.2	Persediaan Majlis Konvokesyen UPM	
		(i) Pelajar tiba di Dewan PKKSSAAS atau lokasi yang ditetapkan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh Urusetia Majlis Konvokesyen; dan (ii) Pelajar mengikuti tatacara pemakaian sepertimana yang ditetapkan dan mematuhi istiadat konvokesyen UPM. (Pautan: https://sgs.upm.edu.my/convocation-3845)
15.3	Pemulangan Jubah Akademik (<i>Graduation Robe</i>)	
		(i) Pelajar memulangkan jubah akademik dalam tempoh yang ditetapkan bagi proses pengambilan sijil akademik selepas menghadiri majlis konvokesyen. Denda lewat pemulangan jubah sebanyak RM10.00 akan dikenakan bermula pada hari ke-3 selepas sesi Majlis Konvokesyen bagi setiap graduan dan penambahan RM5.00 bagi setiap hari berikutnya.

	PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH	Halaman: 107/107
		No. Semakan: 00 -01
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Isu: 01
	Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR	Tarikh: 24/12/2024 22/10/2025

Bil	Tindakan	
16.	Pencalonan Hadiah Universiti Pascasiswazah	
	16.1	Pencalonan Hadiah universiti (i) Pelajar menghantar borang penyertaan dan salinan lembut tesis kepada PTJ; (ii) Pelajar terima notis jemputan ke sesi temuduga melalui emel atau kaedah yang bersesuaian; (iii) Pelajar hadir sesi temuduga sepertimana yang telah ditetapkan; (iv) Pelajar terima keputusan temuduga melalui emel atau kaedah yang bersesuaian; (v) Pelajar hadir sesi fotografi yang diaturkan oleh pihak BAKD, bagi pelajar antarabangsa yang berada di luar negara, pelajar perlu majukan gambar dalam salinan lembut; dan (vi) Pelajar hadir semasa sesi konvokesyen yang ditetapkan bagi penerima Hadiah Universiti